
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD



كونسيڤ
كسدرهناٴن
منوروت
ڤنداڠن
إسلام

سکاليڬوس منجواب مسئله كونسيڤ فيفتي٢

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

SEKALIGUS MENJAWAB MASALAH
KONSEP FIFTY-FIFTY

DISUSUN OLEH: USTAZAH KHADIJAH AAM

USTAZ ASHAARI
MUHAMMAD

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

DISUSUN OLEH
USTAZAH KHADIJAH AAM

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

(Sekaligus Menjawab Masalah Konsep Fifty-Fifty)

Cetakan Pertama Disember 1991

PUSTAKA JASA

Diterbitkan Oleh
PUSTAKA JASA
161-A, Jln. Aminuddin Baki,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Malaysia

Aturhuruf dan Rekabentuk Oleh
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Muka Taip Teks: Palatino
Saiz Taip Teks: 10.5/13

Kulit Oleh
Ustaz Ahmad Dinie Juri

Dicetak di Malaysia oleh Viva Printing Sdn. Bhd

KANDUNGAN

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Sekapur Sirih

BUKU ini merupakan buku karangan Ustaz Ashaari Muhammad yang ke-49. Ia insya-ALLAH akan membetulkan segala kekeliruan dan salah faham berhubung dengan konsep fifty-fifty yang telah sekian lama memisahkan umat Islam dari corak hidup sebenar seorang Muslim. Buku ini membawa pembaca melihat pengertian kesederhanaan yang sebenar sebagaimana dituntut oleh ajaran Islam, bukan sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan umat Islam hari ini. Yakni bukan konsep kesederhanaan yang meletakkan dunia dan Akhirat setaraf hingga boleh di 'fifty fifty'kan.

Kelahiran buku ini amat sesuai dengan masanya ketika sebahagian umat Islam di seluruh dunia sedang bersungguh-sungguh menghayati cara hidup T-lam yang syumul, manakala sebahagian yang lain memandang negatif akan perkembangan itu sambil membuat tuduhan-tuduhan "ekstrim", "lupa dunia", "kolot" dan pelbagai tuduhan lagi.

Sebagai pemimpin sebuah jemaah Islam, Ustaz Ashaari membawa visi yang jelas bagi merealisasikan kegemilangan Islam akhir zaman. Melalui buku-bukunya, termasuk juga buku ini, beliau membangkitkan kesedaran dan memberi garis panduan, bimbingan, nasiha t serta teguran yang berhikmah ke arah itu. Pendekatan sufi beliau, hujah-hujah bernas serta contoh-contoh semasa yang dikemukakannya menjadikan buku-buku beliau teristimewa berban-

ding dengan buku-buku lain karangan ulama-ulama muta-akhirin. Ini ditambah dengan gaya bahasanya yang mudah, segar dan padat yang menjadikan tulisan beliau punya kekuatan 'roh' hingga memberi kesan yang kuat kepada pembaca; mendorong ke arah perubahan diri dan masya-rakat.

Apa yang dituliskannya merupakan hasil pemerhatian, pengkajian dan pengalaman sebagai individu Muslim dan pemimpin jemaah Islam. Ia memuatkan fikrah atau minda beliau yang telah diterapkan secara bertahap-tahap dalam jemaah Darul Arqam sejak penubuhannya 23 tahun lalu hingga kini.

Bermula dengan usaha membaiki diri, keluarga dan jemaah, beliau telah meluaskan gelanggang perjuangannya ke arena antarabangsa. Beliau membawa Darul Arqam menjelajah ke hampir 3/4 -*dunia Timur Tengah, Eropah, Amerika, Asia dan Pasifik - dalam misi dakwah dan zia-rah.

Wajah Islam yang diperkenalkannya ke seluruh dunia itu adalah Islam yang mampu menangani segala masalah masyarakat di semua peringkat termasuk dunia antara-bangsa. Yakni yang mampu membangunkan tamadun hidup di dunia sebagai alat untuk kebahagiaan hidup di Akhirat. Bukan Islam yang telah dipersempitkan ruang lingkupnya pada soal-soal sembahyang, puasa, naik haji, wirid zikir semata-mata. Atau 'Islam' yang memisahkan urusan dunia dari urusan Akhirat.

Buku ini merupakan satu lagi sumbangan Ustaz Ashaari kepada kebangkitan Islam yang kian menuju kemuncaknya. Semoga ia dapat mendorong perubahan jiwa dan fikiran masyarakat ke arah era kegemilangan yang kita cita-citakan itu-era Dunia Baru Islam.

- Penerbit

"*Buku ini kuuntukkan kepada semua saudaraku umat* Islam, *yang cukup takut dengan kesusahan dunia. Dan juga amat takut dibakar api Neraka. Juga kepada yang ingin pada keselesaan dunia, pun yang rindu dengan Syurga Akhirat.*

Bersedialah untuk duniamu selama mana engkau akan hidup di atasnya dan bersedia-lab untuk Akhiratmu sekira-kiranya engkau akan selamat dari api Neraka."

Prakata

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

DENGAN tiba-tiba saja, saya terfikir dan terasa penting untuk menjelaskan tentang konsep kesederhanaan menurut pandangan Islam, sekaligus menjawab masalah konsep *fifty-fifty*. Mungkin kerana waktu ini ramai lagi umat Islam, khususnya rakyat Malaysia yang tercinta, masih terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang mengatakan 50% untuk dunia dan 50% lagi untuk Akhirat. Sedangkan dakyah inilah yang telah memesongkan umat Islam dari landasan hidup yang sebenar. Yang kemudiannya mencampakkan kita semua, umat Islam ke dalam lembah kemunduran, kemiskinan, kejahilan, kekotoran, kebekuan, kehinaan, hidup berkasta-kasta, kebinasaan dan 1001 macam penyakit dan permasalahan lagi. Yang kerana itu memberi kesempatan kepada

bangsa lain untuk bangun menguasai dunia, mengkotak-katikkan ia semahu-mahunya, sehingga dunia sudah jadi begitu kotor dan hancur, untuk sekian lamanya.

Umat Islam sudah terlalu lama dibohongi, ditipu, dipermain-mainkan dan dihina-hina. Dan selama itulah pula Yahudi dan nasrani bergelak ketawa sepuas-puasnya. Mereka gembira kerana berjaya memperbodohkan umat Islam. Lihat satu contoh kecil bagaimana kita diperbodohkan sekian lama. Yakni dalam soal **pakaian.** Sebenamya musuh-musuh ALLAH itu tahu peri bagusnya pakaian. cara Islam yang menutup aurat itu diamalkan. Sebab berpakaian menutup aurat itulah satu-satunya cara untuk menyelamatkan **mata** lelaki dari terpesona dan tergoda dengan perempuan. Tetapi oleh kerana mereka terlalu benci dengan Islam, maka mereka benci dan dengki juga dengan pakaian umat Islam. Maka mereka pun memburuk-burukkan dan berusaha menghalang umat Islam dari memakainya. Dikatakannya pakaian itu ketinggalan zaman, menyusahkan pergerakan, panas, rimas, hodoh dan melampau.

Padahal pakaian merekalah yang ketinggalan zaman, menyusahkan orang lelaki, hodoh dan melampau. Pakaian mereka tidak ada tujuan dan matlamat yang baik. Tetapi dik umat Islam termasuk para ulama termakan dakyah mereka, akibat tidak ada pegangan atau prinsip yang kukuh terhadap maha benarnya ajaran Islam yang dianutinya maka dapatlah diperbodohkan oleh orang-orang bodoh Akhirat itu.

Bukan sahaja dalam soal pakaian, bahkan dalam setiap aspek hidup sama ada kecil mahupun besar, umat Islam sudah ditipu atau dipesongkan dari ajaran Islam. Yang mana pada dasamya, segala bidang hidup yang penting telah dipisahkan dari Akhirat. Dalam ha1

pendidikan, pelajaran, akhlak, ibadah, aqidah, syariat, ekonomi, politik, sosial, perubatan, perhubungan, ketenteraan dan serba-serbinya semuanya dihalakan kepada dunia. Akhirat seolah-olah tidak wujud. Atau kalaupun ada, kecil sekali. Yakni diperingati dalam waktu-waktu yang singkat di upacara-upacara kecil di masjid, di hari kematian dan di majlis-majlis khusus yang ada hubungan dengan agama. Akhirat betul-betul disisihkan dari hidup umat; dari fikiran dan hati mereka. Siapa selalu sebut Akhirat akan jadi kolot, jumud dan anti pembangunan, katanya.

Lalu umat Islam dilalaikan selalai-lalainya dengan dunia. Tuhan dan Akhirat sekali-sekala sahaja datang dalam hidup atau dalam ingatan mereka. Ingatan-ingatan dari ALLAH dan Rasul tentang besamya Akhirat diputar-belitkan dan diselewengkan dari maksud asal. Bahkan sesiapa yang serius dengan Akhirat dikatakan golongan frust dan tinggal dunia. Dan dikatakan tidak maju dan anti *establishment.* Dunia yang menipu dibesar-besarkan hingga kelihatan begitu indah dan menakjubkan. Hingga umat Islam memuja dunia bagaikan kelkatu mengerumuni lampu. Penyakit makan gaji sudah jadi hidup mati umat Islam, yang begitu diperjuangkan; guna menampuk-nampuk dunia untuk diri sendiri, bukan untuk masyarakat atau kemajuan umat. Lalu merangkaklah kita menuju ke pintu neraka dunia yang haru-biru itu. Di Akhirat akan terjun ke kawah api Neraka yang maha dahsyat. *Wal'iyazubillah*

Sepatutnya umat Islam ini terbentuk oleh pendidikan Rasulullah SAW. Yakni hidup dan mati mereka diuntukkan kepada ALLAH. Matlamat mereka ialah Akhirat, bukannya dunia. Mereka zuhud untuk diri kerana memberi kekayaan kepada Islam dan masyarakat Islam. Mereka takut untuk kaya di dunia kerana bimbangkan Hari Hisab yang maha dahsyat itu. Mereka


benar-benar bersedia untuk mati, kerana mati adalah kemuncak kehidupan. Yakni saat penentu bahagia atau derita hakiki yang bakal ditempuh.

Umat Islam sepatutnya jadi abid perindu ALLAH dan mengenangi-Nya di malam hari, dan menjadi pejuang-pejuang yang handal dan gigih di waktu siang. Supaya dengan itu mereka dapat mengambil kembali dunia ini, yang sudah lama dirampas oleh Yahudi dan nasrani dari tangan umat Islam; untuk faedah umat Islam selumhnya, bukan untuk individu. Kerana itu Akhirat mesti di hati. Dunia cuma di tangan. Bukannya dunia di hati, akhirat di tangan.

Buku ini ingin mengembalikan umat Islam ke tempat asal mereka. Supaya mereka benar-benar layak untuk dipanggil Islam. Dan supaya kehebatan umat Islam yang pemah menguasai dunia selama 700 tahun dahulu itu berulang kembali di abad ke-15 Hijrah ini. Hanya ALLAH yang mampu melakukannya. Sebab itu doa-doalah kita agar usaha kecil ini diberkati dan dibantu ALLAH dalam mencapai matlamatnya.

Pahala dari usaha kecil ini kiranya ada wahai Tuhan, hendak kuhadiahkan kepada guru agungku, iaitu kedua-dua **Sayidina Muhammad bin Abdullah** Rasulullah SAW dan Imamul Mahdi Al Muntadzar. Juga pada kesemua guruku dan pada ayah dan ibuku. Amin ya ALLAH.

Hamba yang hakir wal fakir,



Ashaari Muhammad

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Muqaddimah

ALLAH SWT berfirman:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ

Terjemahannya: Kehidupan dunia itu tidak Iain *hanyalah kesenangan yang menipu-daya.*

(Ali Imran: 185)

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾

Terjemahannya: *Tapi kamu memilih kehidupan duniawi. Sedangkan kehidupan Akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal.*

(Al A'la: 16-17)

ٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا لَعِبٌ
وَلَهْوٌ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌۢ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَوْلَٰدِ ۖ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ ٱلْكُفَّارَ نَبَاتُهُۥ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ
مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَٰمًا ۖ وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ
مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنٌ ۚ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ

Terjemahannya: *Ketahuilah,* bahawa *sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah*

antara kamu serta berbangga-banggaan tentang banyaknya harta dan anak seperti hujan yang tanam-tanamannya mengkagumkan para petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di Akhirat nanti ada azab yang keras dan ampunan dari ALLAH serta keredhaan-Nya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu.

(Al Hadid: 20)

Berdasarkan firman-firman ALLAH itu, fahamlah kita bahawa Islam mahu kita utamakan Akhirat. Sebab Akhirat jauh lebih baik, lebih hebat dan lebih dahsyat daripada dunia. Kita patut cinta dan rindu pada nikmat Akhirat. Dan kita patut bimbang, cemas dan gerun dengan azab di Akhirat. Sebab kedua-duanya itu sangat jauh tingginya daripada nikmat dunia yang kita ingini dan azab dunia yang kita takuti itu.

Rasulullah SAW bersabda:

فَإِنَّ الدُّنْيَا بَلَاغٌ إِلَى الآخِرَةِ

Terjemahannya: *Dunia adalah perantaraan (jambatan) ke Akhirat.*

(Riwayat Ibnu Asakir)

Dalam Hadis yang lain Rasulullah bersabda:

اَلدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الآخِرَةِ

Terjemahannya: *Dunia adalah tempat menanam (tanaman) Akhirat.*

Dengan tamsilan di atas, Rasulullah SAW mahu kita jadikan dunia sebagai tempat bekerja keras, agar di Akhirat dapat memungut hasil yang lumayan. Dan ini

adalah patut sekali. Macamlah orang yang ke luar negeri atau orang yang meninggalkan kampung halaman kerana masuk universiti. Semasa belajar, dia tidak boleh main-main atau buat kerja lain. Kalau mahu hasil yang besar, kena belajar sungguh-sungguh selama empat atau tujuh tahun itu. Salahlah bagi seseorang yang berfikir, universiti tempat rehat-rehat, enjoy atau tempat lakukan lain-lain kerja. Nanti bila tamat tempoh pengajian dia akan kecundang.

Demikianlah sebenarnya tujuan manusia datang ke dunia iaitu untuk berpeluang merebut Syurga di Akhirat dan peluang untuk menyelamatkan diri daripada api Neraka di Akhirat. Tetapi kiranya ada orang berkata, jangan fikir Akhirat, kerana dunia sudah cukup, dia akan jadi papa-kedana di Akhirat nanti. Begitu juga orang yang berkata, dunia mahu, Akhirat pun mahu Lalu dia membezakan urusan untuk dunia dan urusan untuk Akhirat. Bahkan lebih banyak melakukan perkara-perkara haram, nasibnya tidak akan terjamin nanti. Akan jadi pengemis dan hina-dina di Akhirat. Hanya orang yang gunakan dunia seluruhnya untuk merebut Akhirat yang akan mendapat hasil yang gilang-gemilang di Akhirat.

Kalau begitulah halnya, mengapa pula Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu adalah pertengahan.*

Sabdanya lagi:

اِعْمَلْ لِدُنْيَاكَ كَأَنَّكَ تَعِيْشُ أَبَدًا وَاعْمَلْ لِآخِرَتِكَ كَأَنَّكَ تَمُوْتُ غَدًا

Terjemahannya: bekerjalah untuk *duniamu seolah-olah* kamu *akan hidup selama-lamanya. Dan bekerjalah untuk Akhirafmu seolah-olah kamu akan mati esok hari.*

(Riwayat lbnu Asakir)

Dan mengapa pula ALLAH berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya: *Apabila telah ditunaikan sembahyang hendaklah kamu bertebaran di muka bumi dun carilah kurniaan ALLAH, dun hendaklah kamu mengingati ALLAH banyak-banyak, moga-moga kamu mendapat kemenangan.*

(Al Jumu'ah: 10)

Sabda Rasulullah S.A.W:

لَيْسَ بِخَيْرِكُمْ مَنْ تَرَكَ دُنْيَاهُ لِآخِرَتِهِ، وَلَا آخِرَتَهُ
لِدُنْيَاهُ حَتَّى يُصِيبَ مِنْهُمَا جَمِيعًا.

Terjemahannya: *Tidak dianggap baik orang yang meninggalkan dunianya kerana Akhirat, dun tidak juga orang yang meninggalkan Akhiratnya kerana dunianya. Sehinggalah mereka memperolehi kedua-duanya sekali.*

(Riwayat lbnu Asakir)

Firman ALLAH pula:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ

وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا

Tejemahannya: Carilah apa-apa yang boleh *membuwu kumu ke Akhirat dun jungun lupa habuan kumu di duniu.*

(Al Qasas: 77)

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Tejemahannya: *Wuhui Tuhan kami, beriluh kami keselamatan di duniu dun di Akhirut sertu selamatkan kami duri api Neraka.*

(Al Buquruh: 201)

Bukankah semua ayat Quran dan Hadis di atas menyuruh kita bekerja untuk dunia di samping bekerja juga untuk Akhirat. Maka kerana itulah banyak ulama yang cinta dunia mentafsirkan supaya amalkan konsep 50-50 (fifty-fifty). Buat 50% untuk dunia, 50% lagi untuk Akhirat. Di sinilah punca terjadinya salah faham tersebut.

Pada saya, bukan begitu maksud ALLAH dan Rasul dengan ayat-ayat di atas. Semuanya mempunyai maksud yang tersirat, maksud yang tersembunyi, dengan ukuran neraca dan penilaian yang tersendiri. Yang disuratkan, semuanya berlaku dalam realiti kehidupan Rasulullah SAW dan sekalian salafussoleh. Kita mesti menjadikan sifat kehidupan mereka itu sebagai kehidupan contoh yang melaksanakan seluruh tuntut‘ln Al Quran dan Hadis. Bagaimana Rasulullah SAW dan para Sahabat berbuat untuk dunia dan untuk Akhirat, maka begitulah maksud ayat-ayat Quran dan Hadis di atas.

Perbuatan dan sikap mereka itu adalah maksud tafsiran Al Quran dan Hadis.

Dunia benar-benar dikorbankan untuk Akhirat oleh Rasulullah SAW. Bukannya dunia dipisahkan dari Akhirat. Dan bukan berusaha untuk dunia 50% dan 50% untuk Akhirat. Adapun maksud Rasulullah menyuruh kita bersederhana itu ialah supaya kita tidak samakan urusan dunia dengan Akhirat. Untuk dunia biar padan dengan umur dunia yang tidak kekal. Dan untuk Akhirat biar sepadan pula dengan umur Akhirat yang kekal itu. Jangan disamakan. Macamlah kita hendak buat dua kerja; yang satu kecil dan yang satu lagi besar. Mana boleh memberi tenaga yang sama pada kedua-dua jenis kerja tersebut. Tenaga yang seimbang dengan kerja itulah sederhana namanya. Tidak melampau.

Seperkara lagi, perlu diingat ALLAH dan Rasul suruh kita rebut dunia itu bukan untuk peribadi. Tetapi untuk masyarakat dan negara. Supaya diri tetap zuhud dan masyarakat tetap kaya-raya.

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

1

Mengapa Timbul Konsep Fifty-Fifty

SAYA ingin memberi pandangan yang tersendiri, menurut apa yang ALLAH fahamkan kepada saya tentang konsep kesederhanaan menurut Islam. Saya katakan pandangan saya ini tersendiri, kerana ianya jauh berbeza dengan apa yang difahamkan oleh sebahagian ulama dan kebanyakan orang ramai tentang perkara ini.

Umumnya sebahagian ulama hari ini mentafsirkan kesederhanaan itu ialah 50-50. Dengan istilah yang masyhur itu, iaitu fifty-fifty, mereka pun membenarkan hal-ha1 seperti berikut berlaku dalam masyarakat umat Islam:

1. Campur-aduk antara hal-ha1 yang membawa dosa dengan pahala. Yakni antara maksiat dan amal soleh.
2. Tidak boleh ekstrim dalam beragama. Iaitu tidak boleh ikut 100% ajaran Islam itu. Ikut setakat mana yang tidak bercanggah dengan adat resam atau budaya orang Melayu.
3. Mengimbangkan amalan dunia dengan Akhirat iaitu untuk dunia 50% dan Akhirat juga 50%.

Dengan konsep fifty-fifty ini, maka berlakulah apa yang telah berlaku sekarang, iaitu:

1. Umat Islam pergi ke masjid tapi pergi juga ke

panggung wayang. Pergi ke Makkah tetapi pergi juga ke disko. Puasa tetapi dedah aurat. berzakat tapi ambil riba. Mereka buat amal soleh tetapi mereka juga buat maksiat. Mereka baik, tetapi jahat. Kalau siaran tv di Malaysia, selepas menyiarkan azan, disiarkan pula persembahan *rock*.

2. Bila ada orang **yang** serius beragama, dituduh ketinggalan zaman. Wanita berpurdah dikatakan ekstrim. Siapa sembahyang sunat lebih sikit dibimbangi tinggal dunia. Isteri yang taat suami dianggap bodoh dan melulu. Makan dalam dulang dituduh pengotor. Hidup cara Sunnah digelar ortodoks. Asyik dengan Al Quran dikatakan gila. Berzuhud dianggap *anti esfablishment.*

Pendek kata, kalau ajaran Islam diamalkan lebih dari yang biasa diamalkan oleh kebanyakan orang, ia sudah dikatakan ekstrim. Itu belum lagi buat 100%. Yang mereka mahu ialah sederhana. Katanya, "Sembahyang sunat jangan banyak sangat, macam biasalah", 'Takai jangan teruk sangat sampai tak nampak hidung. Baju kurung dan mini telekung sudah cukup", "Jangan tunduk saja, pandang-pandanglah perempuan, berbual-bual dengan mereka". Begitu juga perempuan, "Jangan serius **sangat,** bergelak ketawalah dengan kawan-kawan lelaki (ajnabi), nanti tak berukhuwah dan tak pandai bermasyarakat pula."

3. Timbul anggapan bahawa dengan Akhirat kita kena bersederhana saja. Dunia mahu juga, kata mereka. Kata-kata ini didasarkan pada apa yang mereka faham dari Hadis:

اِعْمَلْ لِدُنْيَاكَ كَأَنَّكَ تَعِيْشُ أَبَدًا وَاعْمَلْ لِآخِرَتِكَ
كَأَنَّكَ تَمُوْتُ غَدًا

Terjemahannya: *Beramallah untuk Akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok hari. Dan beramallah untuk dunia seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya.*
(Riwayat lbnu Asakir)

Mereka kata, Rasulullah suruh buru dunia dan Akhirat. Maka mereka pun burulah dunia sampai terlupakan Akhirat atau dikemudiankan hal-ha1 Akhirat. Mereka bekerja bertungkus-lumus sampai tinggal sembahyang. Mereka berniaga ke hulu ke hilir, tidak kira halal haram. Mereka bangunkan dunia semahu-mahunya dengan segala peralatan mewah, rumah banglo atau istana, kereta besar dan lain-lain lagi, hinggakan Akhirat seolah-olah tidak wujud lagi.

Orang-orang yang mahu 50% dunia 50% Akhirat ini, umumnya kita lihat terperangkap dalam dunia 100% hingga Akhirat tinggal 0%. Kalau ada juga amalan Akhirat, itu pun 'diduniakan'nya. Belum pernah kita lihat seorang yang benar-benar buat 50% dunia, 50% Akhirat. Yakni masanya 50% untuk urusan dunia, 50% lagi untuk Akhirat. Hartanya 50% untuk dunia, 50% untuk Akhirat. Fikirannya 50% dunia, 50% Akhirat. Wang ringgitnya 50% dunia, 50% Akhirat. Ya, nampaknya tidak jadi begitu. Kalaulah berlaku begitu,boleh tahan juga. Tetapi apa yang berlaku, umat Islam karam dan tenggelam dalam tipuan dunia. Bergelumang dengan berbagai-bagai bentuk maksiat.

Kerana itulah saya tidak boleh terima konsep kesederhanaan itu, sepertimana yang difahami dan diamalkan dalam masyarakat kini. Sebab ianya telah membawa umat ke satu bentuk kehidupan yang bertentangan dengan kehendak Islam itu sendiri. Umat Islam kini seolah-olah menganut agama yang bercampur-aduk. Tidak tulen Islam, sebagaimana yang telah diamalkan oleh Rasulullah dan salafussoleh.

Pada saya, orang yang mengatakan, "Saya ni masjid pergi, panggung wayang pun masuk juga. Agama, agamalah tapi dunia jangan lupa. Minyak dengan air tak bercampur" samalah halnya dengan orang yang mengatakan: "Saya makan daging lembu. Tapi tahi lembu pun makan juga. Daging, daginglah, tahinya pun perlu juga. Masing-masing ada gunanya."

Sebab, dalam Islam, ibadah dan hiburan semuanya mesti dibuat kerana ALLAH, mengikut landasan syariat, yakni tidak membawa kepada haram atau makruh. Seorang yang beribadah, boleh juga berhibur. Dengan syarat hiburan itu, hiburan yang dibenarkan oleh Islam. Yakni sebarang bentuk nyanyian, lakonan, puisi, drama, filem dan lain-lain yang dipersembahkan mestilah di atas lima syarat iaitu:

1. Niat kerana ALLAH.
2. Sah menurut syariat.
3. Perlaksanaannya sah menurut Islam.
4. Natijahnya baik.
5. Tidak meninggalkan sembahyang dan lain-lain ibadah yang asas.

Seorang yang patuh pada ALLAH dan Rasul, sesudah melakukan semua suruhan ALLAH, sentiasa pula menjaga dirinya dari melakukan perkara-perkara yang dimurkai ALLAH, iaitu perkara-perkara maksiat yang haram atau makruh. Contohnya, dedah aurat, bergaul bebas, bohong, tipu, mengumpat, berzina, terlibat dengan riba, rasuah, ambil dadah, membazir, menyalahgunakan kuasa dan lain-lain lagi.

Seorang yang melakukan semua itu atau salah satu darinya, dikira berdosa dan derhaka. Iman dan Islamnya rosak dan cacat. Dia akan dimurkai oleh ALLAH, diazab

dengan Neraka atau ALLAH benci padanya. Sebab itu seorang Islam tiada alasan untuk merelakan dirinya terjebak dalam sebarang maksiat dan dosa. Sebab itu kalau orang berkata, dia pergi masjid dan pergi juga panggung **wayang,** ertinya dia bukan seorang Islam yang tulen. Yang sebenarnya, dia menentang ajaran Islam. Dia mencampurkan yang hak dengan yang batil. Yang suci dengan najis. Jangan anggap fahaman inilah sebenarnya kesederhanaan dalam Islam. Dia ini penghuni Neraka. Buktinya, bacalah firman ALLAH ini:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ
بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ

Terjemahannya: *Apakah kamu mengambil sebahagian isi kifab dan menolak sebahagian yang lain. Tiada balasan untuk yang demikian itu melainkan akan ditimpa kehinaan di dunia., sedangkan di Akhirat akan dimasukkan kedalam azab* yang *pedih.*

(Al Baqarah: 85)

Orang-orang yang mengungkap kata-kata seperti di atas itu, pada saya membuat dua kesilapan.

Pertama, dengan kata-kata itu mereka telah menafikan firman ALLAH:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ

Terjemahannya: *Sesungguhnya sembahyang* ifu *mencegah perbuatan keji dan mungkar.*

(Al Ankabut: 45) .

ALLAH berkata orang **yang** benar-benar sembahyang tidak akan melakukan sebarang bentuk perbuatan keji dan mungkar (dosa dan maksiat). Maknanya, orang yang ke

masjid, dia tidak akan ke panggung wayang. Tetapi kalau ada yang ke masjid, masih pergi juga ke tempat maksiat, itu pada hakikatnya mereka tidak sembahyang. Sembahyang mereka tidak betul. Pokok tidak berbuah.

Sedangkan ALLAH sangat marah pada orang-orang yang sembahyangnya penuh kelalaian atau orang yang sembahyang tetapi masih buat maksiat ini. Firman ALLAH:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾

الَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

Terjemahannya: *Neraka Wail bagi orang yang sembahyang, yang mereka itu lalai dalam sembahyangnya.~*

(Al Ma'un: 4-5)

Orang yang sembahyang tetapi tidak menunaikan janji-janjinya dengan ALLAH sepertimana yang dilafaz dalam sembahyang itu, sebaliknya masih melanggar janji-janjinya itu dengan melakukan maksiat dan kemungkaran kepada ALLAH, tempatnya di Neraka Wail. *Wal'iyazubillah.*

Kesilapan kedua ialah menganggap dalam Islam tidak ada hiburan. Seolah-olah Islam itu ajarannya berat-berat saja, serius semuanya. Tiada yang ringan-ringan, yang menghibur dan meredakan ketegangan jiwa dan fikiran. Itu adalah anggapan yang salah. Islam itu *'complete way of life'* sesempurna-sempurna cara hidup. Mana mungkin Islam tidak benarkan berhibur kalau ia sempurna atau syumul?

Hiburan dalam Islam cukup luas. Cuma sayang umat Islam tidak mengusahakannya. Orang bukan Islam yang buat. Umat Islam tiru dan ikut sahaja. Sebab itu panggung wayang penuh dengan maksiat. Kalau umat Islam dapat buang maksiat dalam panggung wayang, ganti dengan perkara yang halal dan suci, maka di waktu itu pergi ke

panggung wayang untuk berhibur-hibur adalah ibadah kepada ALLAH SWT. Jemaah Darul Arqam sedang mengusahakan ini. Pementasan puisi Islam sudah dijayakan di banyak negeri di Malaysia dan juga sudah berkembang di negara-negara jiran tetangga iaitu Indonesia, Thailand dan Singapura. Oleh itu, saya berseru kepada semua pejuang Islam, ulama-ulama dan seluruh umat Islam agar mengisi kekosongan ini. Adakan satu alternatif untuk umat Islam mencari hiburan-hiburan yang tidak ada maksiat bersamanya.

Seterusnya saya akan berikan pandangan tentang anggapan atau tuduhan ‘pelampau’ kepada orang-orang ‘yang serius beragama. Yakni yang melaksanakan perintah ALLAH sungguh-sungguh dan lebih banyak dari biasa. Yang mana kadang-kadang golongan ulama pun tersasul mengatakan ekstrim kepada mereka yang bersungguh-sungguh beragama itu. ‘Tak usahlah berlebih-lebih sangat. Buat macam biasa dah cukup. Islam suruh bersederhana dalam semua hal.” Demikianlah komen sebahagian alim ulama. Mereka menganggap sederhana itu ialah beramal sikit atau separuh sahaja dari ajaran Islam. Kalau buat semua, itu ekstrim namanya.

Pada saya sederhana dalam Islam bukan ertinya mengurangkan amalan-amalan yang diperintahkan oleh ALLAH dan Rasul-Nya. Contohnya, seorang yang sembahyang sunat beratus-ratus rakaat banyaknya, jauh lebih banyak daripada bilangan rakaat yang biasa dibuat oleh umum umat Islam hari ini, itu bukanlah seorang yang ekstrim. Tetapi dialah orang yang terbaik daripada orang lain, di sudut itu. Kerana dia mampu melaksanakan semua sembahyang sunat yang ada diperintahkan oleh ALLAH dan Rasul. Sunat Rawatib, sunat Awwabin, sunat Wudhuk, sunat Dhuha, sunat Isyraq, sunat Tahajjud, sunat Hajat, sunat Tasbih, sunat Witir, sunat Tarawih, sunat Mutlak dan bermacam-macam jenis sembahyang sunat lagi. Yang mana

kalau semua itu dibuat, memang boleh sampai beribu rakaat. Sebab tiap satu sembahyang sunat itu bukan setakat dua rakaat sahaja tetapi lebih daripada itu. Ada dua belas, ada lapan, ada enam, ada dua puluh, ada tiga dan ada yang tanpa limit, boleh buat seberapa banyak yang sanggup.

Kalaulah orang yang buat semua jenis sembahyang sunat ini sebagaimana yang dikehendaki oleh ALLAH, sehingga beratus-ratus rakaat, dia dikatakan ekstrim, pelampau atau sebagainya, jadi untuk apa ALLAH perintahkan bermacam-macam jenis sembahyang itu semua? Kalaulah ha1 itu dikatakan melampau, mengapa ALLAH perintahkan? Sedangkan kita yakin, perintah ALLAH itu adalah sebaik-baik kalimah.

Jadi tuduhan melampau kepada orang-orang yang bersungguh-sungguh beramal itu sebenarnya tidak adil dan tidak tepat. Kata-kata tersebut bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Kata-kata itu bukan dari ALLAH dan Rasul. Maka sesiapa yang masih menuduh pelampau itu, dia sebenarnya bermusuh dengan ALLAH dan Rasul-Nya.

Contoh lain, juga dikatakan ekstrim kepada seseorang yang berkorban berhabis-habisan untuk jihad fisabilillah. Umpamanya untuk membangunkan projek-projek pembangunan tamadun Islam. Yang orang itu asalnya hidup meriah tetapi jadi zuhud sekali kerana memberi kekayaan pada jemaah Islam. Sebaliknya, dia dikatakan pelampau kerana telah berkorban lebih dari apa yang orang lain biasa lakukan. Dia disuruh bersederhana iaitu dengan mengurangkan pengorbanan harta di jalan ALLAH supaya serupa seperti yang orang ramai lakukan. Dan supaya dia masih nampak kaya dan mewah hidupnya, jangan sampai hidup susah, hanya kerana terlalu banyak berkorban kepada Islam. Itu bodoh namanya, kata orang-orang yang menuduh itu.

Sebagai jawapan tentang persoalan ini, mari kita lihat pengorbanan **Rasulullah** dan para Sahabat. Dengan iman dan taqwa yang terlalu tinggi, Rasulullah bukan **sahaja** harta bendanya habis dikorbankan kepada ALLAH, tetapi makanan yang berlebih waktu malam pun tidak disimpan untuk pagi. Baginda akan sedekahkan pada orang **yang** memerlukan pada malam itu juga. Atas dasar, baginda tidak yakin yang esoknya baginda masih hidup. Baginda tidak mahu mati dalam keadaan masih ada harta ALLAH yang disimpan untuk peribadinya.

Sayidina Abu Bakar As Siddiq bukankah kerana iman yang bulat, telah berkorban seluruh hartanya pada perjuangan Islam? Rasul terkejut dan lantas bertanya, *"Apa **lagi yang tinggal untukmu dan keluarga?"*** Jawab Sahabat itu, "Cukuplah ALLAH dan Rasul-Nya untukku."

Ekstrimkah mereka itu? Bukankah sikap atau Sunnah Rasul itu adalah contoh teladan dan ikutan kita? Siapa yang berkata, "Itu Rasul, bolehlah!" nyatalah ia berbohong kerana mengatakan perbuatan Rasul itu khusus untuk peribadinya, bukan untuk dicontohi oleh umatnya. Kalau kita masih mahu menganggap orang-orang yang berhabis-habisan harta benda di jalan ALLAH itu ekstrim, ketahuilah bahawa kita seolah-olah berkata, "Rasul dan para Sahabat itu ekstrim dalam beragama." Kalau begitu nampaknya kita lebih hebat dari Rasulullah dalam cara beragama. Masya-ALLAH, ucapan ini boleh merosakkan aqidah. *Wal'iyazubillah.*

Tetapi pelik, kalau ada orang berhabis-habisan harta dan wang gajinya untuk tunangnya atau untuk perempuan simpanan atau untuk *girl* friendnya, tidak pula terdengar tuduhan ekstrim ini. Bahkan itu pula dianggap hebat dan patut diberi simpati. Hingga tidak segan-silulah **orang** itu meneruskan pengorbanannya yang sia-sia. Kerana dirasakan itulah pengorbanan yang suci dan patut dilakukan.

Padahal dengan ALLAH-lah manusia sepatutnya berhabis-habisan. Kerana apa yang kita harap dari ALLAH, jauh lebih besar nilainya daripada apa yang kita inginkan pada seorang perempuan. Tetapi malang, ha1 itu tidak dibenarkan berlaku. Kerana fikiran umat sudah terbalik. Yang baik dituduh jahat, yang jahat dikatakan baik. Perintah ALLAH dan Rasul dipertikaikan. Perintah nafsu yang diperturut dan dibenarkan. Hanya mukmin yang bertaqwa yang dapat keluar dan bebas dari belenggu dunia yang sudah terbalik ini.

Contoh laintuduhan ekstrim yang dibuat ialah tentang pemakaian purdah dan serban. Wanita yang menutup seluruh auratnya dikatakan pelampau. Sebaliknya yang elok ialah pakaian-pakaian yang biasa dipakai oleh orang Melayu. Itulah sederhana namanya. Orang Melayu pakai kopiah atau songkok sudah cukup, tidak payah pakai serban ke hulu ke hilir. Itu sikap yang ekstrim, konon katanya.

Walhal Islam tidak berkata begitu. Rasulullah SAW berjubah serban. Isteri-isteri baginda dan wanita-wanita beriman di zamannya memakai purdah. Yakni pakaian yang paling tepat untuk menutup aurat wanita. Ia bukannya keterlaluan atau melampau kalau diukur dengan ilmu kebenaran atau pandangan umum. Akal dan nafsu kita yang jahil dan jahat sahaja yang mengandaikan yang bukan-bukan terhadap ajaran Islam itu. Mata lahir kita saja yang rasa sakit dengan purdah. Sebab mereka sudah biasa dengan pakaian Melayu yang tidak sempurna itu. Walhal bila mereka sudah biasa pula dengan purdah, mereka akan merasa cantik pula berpurdah. Alah bisa tegal biasa, kata pepatah Melayu.

Dulu-dulu waktu wanita Melayu berselubung dengan kain batik sewaktu mereka keluar berjalan-jalan, cuma nampak mata saja, ia dibenarkan.' Maka tidak ada sebab

purdah perlu ditentang. Ia tidak menghalang kebebasan dan keselesaan wanita bekerja. Buktinya boleh dilihat pada wanita-wanita purdah yang sudah ramai kini. Mereka aktif bergerak memperjuangkan agama ALLAH dalam apa saja bidang yang sesuai dengan mereka. Ada di kalangan mereka yang sudah pergi ke merata negara di dunia untuk berdakwah dan ziarah.

Habis mengapa timbul fahaman 50-50? Mengapa diselewengkan maksud Rasulullah dengan begitu berani sekali? Dalam penglihatan saya, ada tiga sebab mengapa terjadinya demikian, dan ketiga-tiga sebab itu adalah terbit dari tiga golongan yang berbeza-beza hal keadaannya, iaitu:

1. Kerana tidak faham. **Oleh** kerana kekurangan ilmu agama maka mereka tidak faham perkara sebenarnya, tentang konsep kesederhanaan itu. Mereka ingat betul-betullah Rasulullah suruh samakan kerja dunia dan kerja Akhirat. Mereka ingat betullah bahawa orang **yang** sembahyang sunat banyak-banyak atau yang serius beragama itu dikatakan melampau. Jadi pada mereka konsep *fifty-fifty* itu memang dikira benar.

2. Kerana menjaga kepentingan diri. Golongan ini sebenarnya faham bahawa dunia dan Akhirat tidak boleh disamakan seperti fifty-fifty itu. Sebab Akhirat jauh lebih besar dari dunia. Mana boleh disamakan. Sepertimana tidak bolehnya disamakan busut dengan gunung. Yang satu dihadapi dengan cangkul sahaja, manakala yang satu lagi dengan buldozer. Mereka, para ulama itu, faham **sebenarnya** sikap *fifty-fifty* itu salah. Tetapi kerana **menjaga** periuk nasi, maka didiamkanlah kesalahan tersebut, bahkan turut **sama** dipraktikkan. Mereka lebih hendak menjaga hati tuan-tuan besar daripada hendak menjaga ALLAH dan Rasul. Kerana dirasanya 'tuan'nya lebih berjasa dan

berkuasa memberinya rezeki daripada ALLAH SWT. Maka disambunglah lidah tuan-tuan mereka. Lalu mereka pun dipuji oleh tuan-tuan mereka itu sebagai ulama berdedikasi, dinamis dan berfikiran luas. Berbanggalah pula para ulama rasmi dengan pujian itu hingga lalailah mereka dan jauhlah mereka dari ALLAH dan Rasul-Nya.

3. Kerana ingin menutup kelemahan diri, yang mana orang-orang alim itu merasakan mereka tidak faham maksud Rasulullah yang sebenarnya dalam Hadis:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu ialah pertengahan.*

Iaitu Rasulullah suruh berusaha untuk dunia sesuai dengan umur dunia dan bekerja untuk Akhirat sesuai dengan umur Akhirat. Tetapi bukan senang hendak berkorban berhabis-habisan untuk Akhirat. Sebab mereka terlalu cinta dunia hingga tidak cintakan Akhirat. Lalu demi untuk menyelamatkan keadaan itu, mereka pun membohongi ALLAH dan Rasul dengan membenarkan konsep *fifty-fifty* itu. Dengan itu sikap bakhil dan tamak serta cinta dunia mereka itu dengan sendirinya terlindung.

Begitulah halnya mengapa tercoraknya umat Islam dengan segala kesilapan dan kelemahannya pada hari ini. Moga-moga dengan penerangan ini kita dapat kembali menjadi satu bangsa yang gagah yang cinta Akhirat lebih dari cintakan dunia. Kerana cintakan Akhirat itulah rahsia kemajuan yang dituntut dalam Islam.

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

2

Apa Itu Sederbana Atau Seimbang

RASULULLAH SAW bersabda:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu ialak pertengakan (sederhana)*

Dalam mengertikan maksud Hadis ini, ramai ulama yang menganggap sederhana yang dimaksudkan oleh Rasulullah itu sama dengan sederhana dalam pengertian orang-orang Melayu, yakni pertengahan. Iaitu satu keadaan yang tidaklah baik sangat dan tidak juga buruk sangat. Misalnya, wajahnya sederhana saja. Ertinya orang itu tidaklah cantik sangat dan tidak juga buruk sangat. Contoh yang lain, kehidupannya sangat sederhana. Ertinya, orang itu taraf hidupnya tidaklah terlalu kaya dan tidaklah terlalu miskin.

Dengan kata lain, sederhana pada orang Melayu ialah ukuran separuh-separuh atau setengah-setengah. Ibarat kayu pembaris panjang 12 sentimeter, yang sederhana atau pertengahannya ialah 6 sentimeter-6 sentimeter. Sederhana bagi 100% itu ialah 50%-50%.

Dengan kefahaman yang sebegitu, maka sebahagian besar ilmuan Islam terutama ulama Malaysia telah pun menggariskan kepada umat Islam agar bersederhana dalam beribadah dan dalam menurut syariat ALLAH.

Mengikut ukuran tadi, sembahyang sunat jangan banyak sangat. Sederhana sajalah. Menutup aurat jangan berlebih-lebihan. Sederhanalah! Berkorban dan berjuang fisabilillah pun jangan melampau-lampau. Kan Rasulullah suruh bersederhana.

Maka kiranya ada orang bersembahyang sunat berpuluh-puluh rakaat, mesti ada yang bersuara, "Jangan lebih-lebih sangat!" Kalau ada yang memakai jubah, serban dan purdah pula dicapkan sebagai ekstrim (sudah melampau; di luar sederhana). Dan bila si polan berhabis-habisan dalam berjuang dan berkorban menegakkan agama ALLAH, terdengarlah oleh kita ejekan, "Dunia mahu juga, Akhirat mahu juga. Fifty-fiffylah", "Sikap itu keterlaluan".

Demikianlah berjayanya diterapkan pengertian 'sederhana' cara Melayu kepada umat Islam dalam urusan-urusan agama. Manakala dalam sudut duniawi, hal itu tidak pula diperkatakan dan diperjuangkan. Walhal Rasulullah tidak khususkan sederhana itu pada soal-soal Ukhrawi sahaja. Baginda merangkumkan sederhana itu dalam semua bentuk kerja sama ada dunia mahupun Akhirat.

Kalaulah ada seorang yang buat kerja dunia, bertungkus-lumus pagi petang, siang malam sampai tidak peduli orang lain atau tidak fikir halal haram, perintah atau larangan, hingga tidak rehat-rehat, belum pernah kita terdengar sindiran-sindiran sekalipun daripada lidah ulama yang mengatakan, "Bersederhanalah, jangan melampau-lampau bekerja. Rasulullah kan suruh sederhana." Sebaliknya apa yang kita dengar ialah pujaan, sanjungan dan rasa kagum. "Hebat si polan tu. Rajin dan gigih sekali."

Demikian juga halnya terhadap golongan yang siang malam ke hulu ke hilir menari, menyanyi, berlakon dan buat bermacam-macam maksiat tanpa letih, tanpa jemu dan tidak behenti-henti. Belum pun ada suara-suara penentangan yang serius mengatakan mereka itu "ekstrim,

melampau, gila, biul, otak tak centre" dan lain-lain lagi. Sebaliknya usaha-usaha gigih yang di luar sederhana itu dipamerkan dan diiklankan di dada-dada akhbar. Agar umat meraikan dan ikut serta dalam kegigihan bekerja itu. Saranan supaya bersederhana tidak timbul lagi. *"Fiffy-fiffy-*lah" tidak diapply di sini. "Dunia mahu juga, Akhirat pun mahu" sudah tidak dipakai lagi. Bab ini kena dunia 100%. Hadis Rasulullah sudah tidak dibaca lagi. Yang digunakan ialah 'Hadis' mereka sendiri iaitu 'Hadis Melayu'.

Apalagi kalau seseorang itu mengaji (belajar), mengejar Ph.D, bergolok bergadai, pergi ke luar negeri, tinggal anak isteri bertahun-tahun, lupa orang, lupa sembahyang, gila-gila mengaji hingga tidak kenal Tuhan, itu tidak mengapa. Tidak dianggap melampau. Itu bagus. Tiru dia. "Itulah lelaki zaman ini", 'Terwira", "Manusia contoh" dan bermacam-macam pangkat dan gelaran yang diberikan kepada mereka. Mereka dipuja, dikagumi dan diagung-agungkan. Tidak pun dibaca Hadis Rasulullah SAW:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu sederhana.*

Tidak lagi diingatkan, "Fifty-fiftylah,' dunia mahu juga, Akhirat nak juga. Jangan melampau!"

Mengapa terjadi diskriminasi dan salah faham yang demikian itu?

Pertama, kerana salah tafsir.

Kedua, kerana penyakit cinta dunia yang menjadi-jadi hingga penyakit cinta dunia ini turut menimpa para ulama.

Ketiga, para ulama ingin mengambil hati sesetengah golongan yang telah tenggelam dengan dunia.

Maka dari sinilah terjadinya kesilapan dan salah tafsir yang amat merugikan itu.

Pada saya, sederhana yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW itu adalah merangkumi kerja-kerja dunia Akhirat yang hendaklah dibuat seimbang, sepadan dan hasilnya maksimum. Yakni satu peringkat **yang** terbaik mungkin, yang boleh memberi hasil yang paling lumayan. Perkataan Rasulullah SAW itu kalau hendak dimelayukan, lebih kurang begini bunyinya:

"Sebaik-baik kerja itu **sama** ada dunia atau Akhirat ialah tenaga yang diberi seimbang dengan keperluan, padan dengan keupayaan dan memberi hasil yang maksimum."

Biar saya buat contoh untuk mudah difahami. Katalah kita hendak mengaji. Rasulullah kata sebaik-baik pekerjaan ialah sederhana. Mengaji macam mana **yang** dikatakan sederhana itu? Mengaji sikit-sikit ke? Tentu tidak. Sebab Rasulullah ada bersabda:

اُطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّيْنِ

Terjemahannya: *Tuntutah ilmu walau ke Negeri China.*

(Riwayaf Ibnu Adi dan Al Baihaqi)

Di sini jangan kita anggap Rasulullah SAW tidak betul kerana selalu bercakap lain-lain. Di satu masa disuruhnya bersederhana, di satu masa lain disuruhnya bersungguh-sungguh. Sebenarnya maksud sederhana itu bukan ala kadar, sikit-sikit atau sekadar cukup. Tetapi maksud baginda ialah seimbang atau sepadan dengan keperluan. Ertinya kalau kita ingin menjadi pandai, ingin kaya, berjawatan tinggi, kenalah mengaji bagi sepadan dan seimbang dengan cita-cita kita itu. Kalau perlu, biar sampai ke Negeri China pun tidak mengapa.

Contoh lain, katalah kita hendak perjuangkan Islam supaya hukum ALLAH tertegak di muka bumi ALLAH ini. Jadi tentu kita hendak berjuang mati-matian dan habis-habisan. Bahkan hidup mati kita adalah untuk jihad fisabi-lillah. Dan Rasulullah memang menyuruh berbuat begitu, bahkan baginda sendiri melakukan yang sedemikian itu. Yakni berjuang habis-habisan dan mati-matian. Kalau begitu, tentunya sederhana itu bukan separuh, 50-50 atau tidak berapa cukup atau tidak sungguh-sungguh. Tetapi sederhana itu bererti seimbang dan sepadan dengan keperluan yang ingin dicapai.

Dalam hal mencari rezeki misalnya, apakah kita hendak bersederhana dengan maksud tidak sungguh-sungguh, tidak serius, berlebih kurang dan 50-50 sahaja? Tentu tidak. Sebab itu, kata-kata Rasulullah itu sebenarnya bukannya supaya kita tidak buat betul-betul sama ada amalan-amalan duniawi apalagi Ukhrawi. Tetapi ialah agar kita sungguh-sungguh melakukan sesuatu supaya padan dan seimbang dengan hasil yang dikehendaki, atau yang diperlukan - tidak lebih dan tidak kurang.

Dengan hujah-hujah di atas itu, saya ingin tegaskan bahawa menurut Islam, bersederhana melakukan kerja itu ialah mengimbangkan antara tenaga kerja atau usaha serta wang ringgit, masa dan lain-lain yang hendak dikorbankan (untuk menghasilkan sesuatu kemanfaatan yang dihajati atau untuk menolak sesuatu kemudaratan), dengan hasil yang diperlukan. Seba.gai seorang Islam kita disuruh melakukan sesuatu itu dengan bijaksana, yakni imbangkan antara usaha dengan hasilnya. Jangan terlebih atau terkurang.

Biar saya buat lagi contoh-contoh untuk mudah memahaminya. Katalah kita hendak bunuh lipan yang hendak menggigit kita. Sederhana atau seimbang dalam hal ini ialah kita gunakan kayu sahaja. Jangan guna

senapang. Atau jangan guna sebatang lidi. Yang sederhana ialah kayu, yang melampau ialah senapang atau sebatang lidi tadi. Yang satu melampau lebih, yang satu lagi melampau kurang.

Atau contoh yang lain yang boleh memperjelaskan maksud sederhana ini ialah, katalah kita mahu pergi ke luar negeri. Kita pilih dua negara. Yang satu dekat dan yang satu lagi jauh. Misalnya Singapura dan England. Dalam ha1 ini, kesederhanaan belanja untuk ke Singapura ialah $200. Manakala kesederhanaan untuk ke England lebih daripada $5000. Ianya akan jadi ekstrim kiranya kita untukkan ke Singapura $20 atau $2000. Dan akan jadi ekstrim juga kalau kita untukkan ke England sebanyak $200 atau $2 juta. Begitulah erti sederhananya iaitu mengimbangkan keperluan dengan tujuan tadi.

Dalam contoh ini juga boleh kita lihat satu pengertian lain tentang keseimbangan ini iaitu bila ada orang berkata, "Kita kena imbangkan antara peruntukan ke Singapura dan England, 50-50-lah Tidak mungkin berlaku, bukan? Sebab Singapura dan England tidak sama keperluan dan tuntutannya. Mana boleh samakan peruntukan antara keduanya.

Begitulah halnya dengan kerja-kerja yang hendak dibuat untuk tujuan dunia dan untuk tujuan Akhirat. Rasulullah suruh imbangkan kerja dunia setakat keperluan duniawi kita. Begitu juga Rasulullah suruh imbangkan kerja-kerja untuk Akhirat dengan keperluan Ukhrawi kita. Jangan disamakan tenaga kerja untuk dunia yang sementara ini dengan tumpuan atau tenaga kerja untuk tugas-tugas Ukhrawi yang kekal abadi itu. Sebab dunia dan Akhirat tidak sama.

Dari segi lama masanya, kita tinggal di dunia paling lama 100 tahun. Sedangkan kita akan tinggal di Akhirat untuk selama-lamanya tanpa limit lagi. Di segi kehebatan

pula, Akhirat jauh lebih hebat dari dunia. Nikmatnya sangat hebat. Azabnya pula sungguh dahsyat. Jauh lebih hebat dan dahsyat dari nikmat dan azab di dunia ini. Jika dinisbahkan, nikmat dunia hanya satu sedangkan nikmat. Akhirat 99. Panas api dunia hanya satu sedangkan panas api Neraka 70 kali ganda. Jadi mana boleh kita samakan usaha-usaha untuk hidup di dunia dan untuk hidup di Akhirat. Akhirat mesti dilebihkan. Kaedah 50-50 tidak boleh diapply di sini.

Sederhana dalam urusan dunia tidak sama dengan sederhana dalam urusan Akhirat. Kita misalkan nikmat dunia seperti batu akik dan nikmat Akhirat macam intan berlian. Sederhana untuk miliki batu akik ialah $100 sahaja. Tetapi sederhana untuk dapatkan intan berlian ialah $1000. Itukan berbeza. Mana boleh *fifty-fifty!*

Kita umpamakan pula azab dunia bagaikan gigitan lipan, manakala azab Akhirat bagaikan cengkaman singa. Dalam keadaan ini, sederhana untuk bunuh lipan ialah dengan kayu. Tetapi sederhana untuk membunuh singa ialah dengan senapang. Ertinya antara dua kesederhanaan ini jauh berbeza. Tidak mungkin sama. Sebab kedua-dua dunia dan Akhirat sangat besar perbezaannya.

Benarlah Rasulullah SAW kerana mengatakan sebaik-baik pekerjaan ialah sederhana. Jangan berlebih-lebih dan jangan pula berkurang. Untuk dunia, kerja hendaklah disesuaikan dengan kecil dan sementaranya dunia ini. Jangan berlebih dan jangan pula berkurang. Tetapi untuk Akhirat, usaha biar sepadan atau seimbang dengan maha besar dan lamanya Akhirat itu. Jangan lebih, jangan berkurang. Tuntutan yang sama disabdakan oleh Rasulullah dalam Wadis lain yang berbunyi:

اِعْمَلْ لِدُنْيَاكَ كَأَنَّكَ تَعِيْشُ أَبَدًا وَاعْمَلْ لِآخِرَتِكَ
كَأَنَّكَ تَمُوْتُ غَدًا

Terjemahannya: *Bekerjalah* untuk *duniamu seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya. Dan bekerjalah untuk Akhiratmu seolah-olah kamu akan mafi esok hari.*
(Riwayat lbnu Asakir)

Di sini Rasulullah SAW suruh kita utamakan atau dahulukan Akhirat dari dunia. Bukannya disuruh kita samakan dunia dan Akhirat sepertimana sesetengah orang faham. Hujah saya, mana yang hendak kita dahulukan antara satu kerja yang mesti diselesaikan esok dengan satu kerja lam yang tempoh siapnya boleh bertahun-tahun lagi. Atau mana yang kita hendak utamakan, membayar hutang yang dituntut membayarnya esok dengan hutang yang boleh ditangguh bertahun-tahun lagi membayarnya?

Tentunya kita akan dahulukan dan utamakan kerja-kerja untuk keperluan hari esok. Yang **lama** lagi itu, kita akan kemudiankan dan kita boleh rehat-rehat lagi. Tetapi kerja esok tidak boleh main-main dan ditangguh-tangguh lagi. Begitulah bijaknya Rasulullah SAW membuat tamsilan. Dan kita pula kena berhati-hati mentafsirkan ucapan-ucapan Rasulullah.

Kalaulah baginda meminta kita samakan tungkus-lumus untuk dunia dan untuk Akhirat, tentulah baginda sendiri yang melakukannya. Tetapi realiti yang kita lihat ialah Rasulullah begitu meremehkan kepentingan-kepentingan peribadi dalam ha1 dunia. Tetapi baginda mati-matian untuk ALLAH dan untuk Akhirat. Rumah baginda cuma bilik-bilik kecil dan sempit yang dimiliki oleh isteri-isteri baginda. Rumah tersebut boleh kita capai bumbungnya. Tidur beralaskan tikar daun tamar (macam tikar mengkuang). Baginda wafat tidak meninggalkan harta benda untuk anak-anak dan isteri-isterinya. Tetapi dengan Akhirat baginda tidak tidur malam kerana hidupkan malam sembahyang, tafakur, baca Quran dan sebagainya. Kalau ada makanan berlebih waktu malam, tidah disimpan

ke pagi. Kerana katanya, “Esok belum pasti hidup”. Baginda benar-benar laksanakan cakapnya iaitu seolah-olah akan mati esok. Tetapi dengan dunia, tak apa! Ada masa lagi!

Jadi, bersederhanalah kita untuk dunia supaya padan dengan dunia yang kecil dan sementara ini, dan bersederhanalah untuk Akhirat biar padan dengan Akhirat yang maha hebat dan kekal abadi itu.

3

Kesederbanaan Yang Lumrab

SAYA mahu tegaskan lagi bahawa maksud Rasulullah SAW yang sebenarnya dalam Hadis *"Sebaik-baik pekerjaan ifu ialah sederhana"* bukannya kita berlebih kurang sahaja dalam buat kerja-kerja kita. Tetapi kesederhanaan itu ialah satu ukuran yang sebaik-baiknya untuk kerja-kerja dunia yang tidak kekal ini berbanding dengan kerja-kerja untuk Akhirat yang kekal abadi itu.

Untuk keperluan duniawi, sederhanakan sesuai dengan sifat dunia. Untuk keperluan Ukhrawi, sederhanakan sesuai dengan sifat-sifat Akhirat. Tetapi ingat, kedua-dua bentuk kesederhanaan ini tidak sama bahkan jauh bezanya. Sesuai dengan dunia yang tidak kekal, manakala Akhirat itu kekal.

Macamlah kita hendak pergi ke Singapura dan hendak ke England. Yang satu dekat dan yang satu lagi jauh jaraknya. Tentulah keperluan kewangan dan masa untuk ke Singapura jauh lebih kecil dibandingkan untuk ke England. Untuk ke Singapura, sederhanakan persediaan dengan keperluan-keperluan yang sesuai. Manakala untuk ke England, sederhanakan persediaan biar sesuai dengan jarak jauh dan lama masanya hendak ke sana. Sesuai pula dengan kos perbelanjaan di sana tinggi.

Contoh yang lain, persediaan wang untuk membeli basikal tentulah tak sama dengan persediaan wang untuk membeli kereta.

Itulah maksud Rasulullah sebenarnya. Yakni kesederhanaan dalam memberi tenaga pada sesuatu tugas sepadan dengan besar atau kecilnya serta nilai kerja tersebut. Seorang yang hendak mengutip kerang di laut, sebaik-baiknya dia gunakan tangan sahaja. Bukannya guna kapal korek atau gunakan sudu. Sederhana dalam hal ini ialah gunakan tangan. Tidak lagi sederhana namanya kalau guna sudu atau kapal korek. Gunakan sudu bermakna kurang sederhana, tetapi dengan kapal korek dikatakan melampau (ekstrim) pula.

Contoh-contoh kesederhanaan dalam kehidupan harian:

1. Harga ikan kembung biasanya $6.00 sekilo. Itulah harga yang sepadan untuk nilai ikan kembung yang kecil dan yang tidak berapa sedap itu. Apa kata kalau ada penjual hendak menjual ikan tersebut kepada kita dengan harga $10.00 sekilo. Atau apa kata jikalau ada penjual yang lam menawarkan harga 50 sen untuk nilai ikan yang sama. Kedua-dua harga tersebut tentulah memeranjatkan kita. Kita tentu tidak puas hati dengan harga tersebut. Ia tidak sepadan dengan nilai ikan kembung.

Maka dalam hal ini harga $6.00 sekilo bagi ikan kembung itulah yang dikatakan harga yang sederhana. Manakala harga-harga yang lain itu tidak lagi sederhana. Kedua-duanya dikatakan melampau. Yang satu melampau banyak, sementara yang satu lagi melampau sikit. Dengan kata lam, ekstrim yang berlebihan dan ekstrim yang berkurangan.

2. Bagaimana pula yang dikatakan sederhana dalam makan minum? Bagi seorang bayi, sederhana atau yang sebaik-baiknya ialah minum susu sahaja. Jangan disuap dengan nasi dan jangan pula cuma diberi minum air sahaja. Kedua-dua nasi dan air adalah

keadaan yang melampau bagi si bayi. Tetapi bagi orang dewasa pula, sederhana untuk mereka ialah makan nasi. Tidak kena caranya kalau orang dewasa dihidang air susu sahaja.

Jadi kesederhanaan untuk sesuatu diukur dengan keperluan. Oleh kerana keperluan bayi dengan keperluan orang dewasa tidak sama, maka ukuran kesederhanaan untuk kedua-duanya juga tidak sama. Mana boleh kita kata pada seorang yang dewasa, “Kamu ikut macam bayi itu, sederhana dalam makan minum yakni minum susu sahaja.” Orang yang berkata begitu, pada saya itulah orang yang tidak sederhana, tidak adil, bahkan mungkin tidak siuman. Makanan yang seimbang atau kesederhanaan bagi orang dewasa ialah nasi. Kalau susu sahaja atau kalau makan daun sahaja,itulah yang tidak seimbang, tidak sederhana, tidak patut dan tidak adil bahkan tidak munasabah.

3. Biar saya buat satu contoh kesederhanaan yang lumrah dalam hidup harian kita iaitu dalam soal menolak sesuatu kemudaratan. Katalah dalam satu waktu kita diganggu oleh dua bahaya. I’ertama, nyamuk. Kedua, lipan. Kedua-duanya mahu menyerang kita. Apakah tindakan kita di waktu itu? Bila ternampak saja lipan, mungkin kita terlupakan serangan nyamuk. Kita pun capai kayu atau penyapu ataupun apa saja yang ada, yang difikirkan dapat membunuh lipan tersebut. Bila lipan sudah dibunuh, barulah kita tcringatkan nyamuk tadi. Kalau masih terngiang-ngiang, kita pun tepis dan tampar dengan tangan sahaja.

Begitulah perbezaan sikap kita dalam menghadapi dua bahaya yang berbeza itu. Kita tidak gunakan kadar tenaga yang sama untuk menghadapi kedua-duanya itu, kerana keperluannya tidak sama. Kalaulah kita samakan, maka berlakulah ketidakseimbangan dan merbahaya sekali untuk

kita. Tenaga yang diberi sama ada berlebih atau berkurang daripada tenaga yang benar-benar diperlukan dalam mendapat kemanfaatan atau menolak kemudaratan; itulah dia tidak seimbang atau tidak sederhana namanya.

Jadi, begitulah yang lumrahnya kita lakukan dalam kehidupan seharian. Sesuatu kerja itu tidak lebih dan tidak kurang daripada apa yang patut dan perlu untuk dapatkan hasilnya. Sesuatu yang kecil, kita kecilkan. Yang besar kita besarkan pula tenaga untuknya. Dan itulah dia ukuran sederhana mengikut kata Rasulullah dalam Hadisnya:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu ialah yang pertengahan.*

Yang mana selama ini kita tersilap kerana menyatakan Rasulullah suruh kita bersederhana dalam kerja-kerja Akhirat, sama seperti buat kerja-kerja dunia. Lebih-lebih lagi tersasul melebihkan kerja-kerja dunia daripada kerja-kerja Akhirat.

Oleh kerana Akhirat itu terlalu dahsyat dan hebat, maka persediaan ke sana mesti diperhebatkan juga. Sehingga sepatutnya seluruh hidup ini, harta, fikiran, tenaga dan jiwa raga dikorbankan untuk merebut Akhirat. Lebih-lebihnya saja untuk dunia. Macamlah kita tengok pengail ikan sanggup mengorbankan ikan puyunya untuk mengumpan ikan haruan besar. Atau macam nelayan, sanggup menyabung nyawa untuk dapatkan ikan di laut. Atau macam bakal-bakal profesor gigih mengorbankan masa, fikiran dan harta benda untuk dapatkan *title* profesomya itu. Begitulah sepatutnya, kita yang merindui kebahagiaan abadi di Akhirat, menggunakan segala peluang dunia untuk merebutnya.

Kita takut miskin di dunia. Patutnya kita lebih takut miskin di Akhirat **yang** maha dahsyat kalau kita benar-benar beriman dengannya. **Kita** ingin Syurga dunia yang mewah dan selesa. Maka patutnya kita juga rindukan Syurga di Akhirat **yang** maha **nikmat** itu, yang lebih selesa dari dunia, kalau benar-benar kita beriman dengannya.

,

4

Besarnya Akhirat, Kecilnya Dunia

ALLAH SWT menyuruh kita utamakan Akhirat. Banyak sekali ayat ALLAH dalam Al Quran yang menyebut kebesaran Akhirat dibandingkan dengan dunia. Hingga kerana itu ALLAH sangat mengutamakan Akhirat dan memerintahkan kita berbuat begitu.

Hal ini janganlah diragukan lagi. Dan jangan berdolak-dalih atau serba salah lagi. Antara Akhirat dengan dunia, utamakan Akhirat. Kerana itulah Rasulullah, para Sahabat besar dan sekalian salafussoleh telah zuhud dengan dunia kerana menyimpan kekayaan untuk Akhirat. Mereka itu boleh kaya-raya kalau mereka mahu. Sebab anak kunci seluruh kekayaan dan khazanah perbendaharaan langit dan bumi ada di tangan mereka. Tetapi lihatlah kehidupan duniawi mereka. Bagaikan si miskin yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Rezeki pagi mereka habiskan di waktu pagi. Rezeki petang pula tidak berbaki lagi di waktu malamnya. Rumah mereka kecil dan kosong. Tanya cukup untuk merehatkan badan sejenak dengan serba sedikit alat keperluan yang penting.

Sayidatina Khadijah Ummul Mukminin yang pernah jadi hartawan dan bangsawan Quraisy itu telah menyerahkan seluruh harta miliknya kepada ALLAH dan Rasul. Untuk kegunaan masyarakat dan pembangunan Islam. Supaya masyarakat menjadi mewah dan senang, manakala dirinya tetap zuhud. Sehingga yang tinggal hanyalah diri dan suaminya sahaja. Tinggal bersama

Rasulullah dalam sebuah bilik kecil, yang bumbung biliknya itu boleh dicapai dengan tangan. Pintu bilik cuma dibuat dari kain guni. Dari kandungannya lahirlah Sayidatina Fatimah, bakal wanita penghulu Syurga, yang menjadi wanita paling miskin di dunia. Tetapi ingat, bukannya mereka menderita dengan kemiskinan tersebut. Mereka bukan saja redha dan tidak takut miskin, bahkan dalam keadaan mereka boleh kaya itu, mereka juga meminta supaya mereka dapat hidup bagaikan orang miskin. Lihat doa yang pernah diajarkan oleh Rasulullah kepada mereka:.

اَللّٰهُمَّ أَحْيِنِيْ مِسْكِيْنًا وَأَمِتْنِيْ مِسْكِيْنًا وَاحْشُرْنِيْ فِيْ زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنِ

Terjemahannya: *Wahai Tuhan, hidupkan aku dalam kemiskinan, matikan aku dalam kemiskinan. Dan masukkan aku* dalam *Syurga bersama orang-orang miskin.*

(Riwayat At-Tarmizi)

(Rasulullah SAW sampai berdoa supaya diselamatkan dari jadi orang kaya, yang bermewah-mewah dan membazir). Mereka bahagia dan merdeka dengan kemiskinan. Peribadi mereka tidak punya apa-apa tetapi tiga suku dunia dalam tangan mereka. Ertinya jemaah dan masyarakat mereka kaya. Mereka miskin papa, tetapi kerana redhanya mereka, maka orang yang tidak tahu, menyangka mereka itu kaya-kaya belaka. Mereka puas, bahagia dan cukup dengan ALLAH dan Rasul. Kerana itulah mereka dapat menolak kekayaan peribadi, untuk diberi kepada masyarakat dan negara. Peluang untuk kaya yang ALLAH anugerahkan kepada mereka diserahkan untuk mengkayakan masyarakat, negara dan dunia Islam yang mereka cetuskan. Hasil pengorbanan itu, ALLAH

telah ciptakan Syurga untuk mereka di Akhirat yang kekal abadi.

Untuk meyakinkan ini, biar saya perturunkan sebanyak-banyaknya ayat Quran dan Hadis yang menyebut keutamaan Akhirat daripada dunia.

Rasulullah bersabda:

مَنْ أَحَبَّ دُنْيَاهُ أَضَرَّ بِآخِرَتِهِ وَمَنْ أَحَبَّ آخِرَتَهُ
أَضَرَّ بِدُنْيَاهُ فَآثِرُوْا مَا يَبْقَى عَلَى مَا يَفْنَى

Terjemahannya: *Barang siapa mencintai dunia, nescaya membawa kepada binasa di Akhirat. Dan barang siapa mencintai Akhiratnya, nescaya beroleh keuntungan di dunia. Maka utamakan apa yang kekal, atas apa yang fana (lenyap binasa).*

(Riwayat Ahmad, Al Bazzur dan Afh Thabrani)

Sabda Rasulullah lagi:

لَوْ تَعْلَمُوْنَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيْلاً وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيْراً
وَلَهَانَتْ عَلَيْكُمُ الدُّنْيَا وَ لَآثَرْتُمُ الآخِرَةَ

Terjemahannya: *Apa yang aku ketahui, jikalau kamu* ketahui *nescaya* kamu *akan* tcrtawa sedikit *dan menangis banyak.. Pada kamu dunia sudah jadi hina dan kamu akan memilih Akhiraf.*

(Riwayat Afh Thabrani)

Sabda Rasulullah lagi:

مَا الدُّنْيَا فِى الآخِرَةِ إِلاَّ مِثْلُ مَا يَجْعَلُ أَحَدُكُمْ
أُصْبُعَهُ فِي الْيَمِّ فَلْيَنْظُرْ بِمَ يَرْجِعُ إِلَيْهِ

Terjemahannya: *Tidaklah dunia pada bandingan*

Akhirat melainkan seumpama seseorang yang memasukkan anak jarinya ke dalam laut. Maka perhafikan berapa banyak yang lekat padanya?

(Riwayat Muslim)

Rasulullah juga bersabda:

يَا فَاطِمَةُ! تَجَرَّعِي مَرَارَةَ الدُّنْيَا لِنَعِيمِ الأَبَدِ

Terjemahannya: *Hai Fatimah! Teguklah kepahitan dunia, unfuk mendapat kenikmatan abadi.*

Dan ALLAH SWT berfirman:

وَإِنَّ ٱلدَّارَ ٱلْآخِرَةَ لَهِىَ ٱلْحَيَوَانُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ

Terjemahannya: *Dan sesungguhnya Kampung Akhirat ifulah kehidupan yang sebenarnya kalau mereka mengetahui.*

(Al Ankabut: 64)

ALLAH juga berfirman:

وَلَلْآخِرَةُ أَكْبَرُ دَرَجَٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا

Terjemahannya: *Dan pasti kehidupan Akhirat lebih tinggi fingkatannya dan lebih besar keutamaannya.*

(AI Israk: 21)

Firman-Nya lagi:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا

لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۚ

Terjemahannya: *Kampung Akhirat itu Kami berikan kepada mereka yang tidak hendakkan sanjungan tinggi dan fidak juga berbuat bencana di muka bumi.*

(Al Qasas: 83)

ALLAH juga berfirman:

قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ

Terjemahannya: *Katakanlah, kesenangan dunia ini hanya sebentar saja.*

(An Nisa': 77)

Firman ALLAH lagi:

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلْءَاخِرَةِ نَزِدْ لَهُۥ
فِى حَرْثِهِۦ ۖ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ
مِنْهَا وَمَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ

Terjemahannya: *Barang siapa yang ingin kepada keuntungan Hari Akhirat, Kami berikan tambahan kepada keuntungannya itu. Dan barang siapa yang ingin kepada keuntungan dunia ini, akan Kami berikan sebahagian keuntungan itu kepadanya tetapi dia tidak nempunyai bahagian lagi di Hari Akhirat.*

(Asy Syura: 20) .

Kemudian kita lihat pula bukti-bukti'atau hujah-hujah akal yang membenarkan bahawa Akhirat lebih utama dari dunia.

A. NIKMAT

Mula-mula kita bandingkan nikmat dunia dan Akhirat.

1. Rumah

Rumah yang kita idam-idamkan di dunia, paling besar mungkin sebesar Istana Raja Brunei yang ada 2000 buah

bilik. Dibuat dari batu-bata dengan hiasan marmar dan beratap genting. Tetapi rumah di Akhirat yang ALLAH, sediakan untuk orang-orang yang bertaqwa ialah mahligai seluas langit dan bumi, dibuat daripada emas, permata, dinding berkilau-kilauan cahaya, atapnya intan berlian yang tidak terkata indahnya dan nikmat berada di; dalamnya. Di dunia, sebuah bandar itu adalah kepunyaan bersama tetapi di Akhirat, seorang sahaja memiliki berpuluh-puluh buah bandar.

Peralatan-peralatan dalam rumah pula yang kita gila gilakan di dunia ialah katil empuk, kerusi empuk, tv mewah, peti ais dua pintu, langsir mahal, karpet tebal, pinggan mangkuk moden dan bermacam-macam lagi. Manakala di Akhirat, rumah dilengkapi dengan katil, permata, hiasan sutera halus buatan Akhirat, tilam gebu yang menenggelamkan badan dan lain-lainnya, yang sungguh indah dan mempesonakan. Sembilan puluh sembilan kali lebih canggih dari buatan dunia yang mudah rosak itu.

Peralatan mewah di Akhirat tidak akan rosak dan musnah. Bahkan makin dipandang semakin cantik, semakin terasa nikmat. Sekali pandang lain cantiknya, dua kali pandang, lain pula cantiknya. Pandang kali ketiga, lain pula cantiknya. Demikianlah kalau 1001 kali pandang, maka 1001 kalilah pula cantiknya. Dan lagi, tidak akan jemu bila menggunakannya dan juga tidak akan rosak untuk selama-lamanya. Sedangkan perhiasan dunia itu baru setahun sudah jemu, masuk dua tahun sudah mulai rosak.

2. Kenderaan

Kenderaan dunia yang paling hebat ialah Mercedes, Puiero, *BMW* dan kapal terbang. Itu pun selalu accident dan rosak

serta punah-ranah. Kenderaan Akhirat ialah apa saja yang kita ingini. Katalah kita teringat hendak naik kapal terbang, maka datanglah ia dengan sekelip mata sahaja. Bahkan sebenarnya niat sahaja, terus berada dalam kapal terbang itu, yang keadaannya sebesar dan secantik mana yang kita mahu. Terbanglah ia selaju mana yang kita mahu dan ke mana saja yang kita ingin tuju. Bergerak sendiri dan berhenti sendiri menurut kemahuan kita. Tidak ada bahaya apa-apa pun; semuanya indah dan lazat. Dan tidak akan rosak-rosak.

3. Pakaian dan Perhiasan

Pakaian dan perhiasan dunia yang kita asyik-asyikkan itu cumalah kain biasa yang murah, bila dipakai terasa rimas dan panas. Lama-lama jemu. Makin lama semakin lusuh dan reput dan akhirnya jadi barang terbuang. Tetapi pakaian dan perhiasan yang ALLAH sediakan untuk orang-orang yang bertaqwa di Akhirat cukuplah indah, selesa digunakan, banyak, tidak menjemukan dan tidak rosak-rosak.

Gelang, subang, rantai, anting-anting dan cincin yang bergemerlapan menghiasi seluruh tubuh. Bukan hanya satu dua sahaja tetapi sebanyak mana yang kita mahu akan diperolehi. Bila-bila masa sahaja boleh ditukar ganti dan tidak pula menjemukan. Tidak **payah** dicari-cari, niat saja sudah menjelma di depan mata.

4. Kecantikan

Wajah yang cantik sangat diingini oleh semua manusia. Sebab itu segala usaha dilakukan oleh mereka untuk mendapatkan wajah cantik. Sebab itu di dunia ini sengaja ALLAH tidak ramaikan orang-orang yang berwajah cantik. Hanya ada satu dua orang sahaja yang betul-betul cantik

hinggakan mabuk-mabuk orang yang melihatnya. Tetapi di Akhirat, setiap orang bertaqwa dipercantikkan oleh ALLAH, 99 kali lebih cantik dari waktu hidup di dunia ini. Mereka juga dipermudakan hingga sentiasa muda dan sentiasa gadis. Tidak akan tua-tua untuk selama-lamanya.

5. Makanan

Di dunia ini makanan yang paling lazat, paling mahal sekalipun, kalau. selalu dimakan akan jemu juga. Rasanya juga tidak sedap lagi. Sebab rasa lazatnya itu sama sahaja antara suap yang pertama dengan suap yang terakhir. Kemudian, lagi banyak makan, lagi cepat ke jamban. Kita kalau boleh tidak ingin ke jamban. Tetapi hasil akhir dari makan makanan di dunia ini kita mesti ke jamban. Bukan main busuk pula, apa yang kita keluarkan dari perut kita itu. Yakni yang mula-mula kita masukkan ke mulut kita. Bila lapar kita makan lagi. Itulah dia nikmat dunia yang kita rindu-rindukan itu. Yang dari situ jugalah macam-macam penyakit datang menimpa. Antaranya kencing manis, bar-ah, darah tinggi dan sebagainya.

Tetapi di Akhirat, kita tidak akan lapar-lapar. Sentiasa kenyang. Makanan yang kita makan tidak pernah menjemukan. Sebab rasanya berlainan. Suap mula-mula, sedapnya lain. Suap lagi, lain pula sedapnya. Demikian seterusnya. Maknanya kalau sebiji buah di Akhirat mempunyai sepuluh jenis rasa atau lebih dari itu. Jadi mana boleh timbul rasa jemu.

Begitu juga dengan jenis-jenis makanan yang lain. Makanlah sebanyak mana pun tidak akan memudaratkan. Tidak juga susah payah untuk ke jamban. Tidak ada najis yang busuk-busuk itu lagi. Semuanya sedap, baik, lazat dan indah-indah belaka.

Maka kalau begitu mengapa kita tidak inginkan nikmat

Akhirat yang 99 kali lebih hebat dari nikmat dunia. Sedangkan nikmat dunia yang tidak ada harga itu pun kita rebut-rebut, kita buru-buru dan gila-gilakan. Hingga kita sanggup berkorban berhabis-habisan untuk memiliki dunia yang menipu itu. Mustahil kita tidak rindukan Syurga itu kalau kita benar-benar meyakininya.

B. AZAB

Kalau nisbah nikmat dunia Akhirat ialah 1:99 maka azab pula nisbahnya 1:70. Kita buat contoh:

1. Penjara

Penjara dunia dibuat daripada bahan-bahan biasa seperti bangunan-bangunan lain juga. Makanannya masih makanan yang mengenyangkan. Azabnya tidak sampai menggugurkan kulit dan tulang-tulang mangsanya. Tetapi itu pun kita sudah cukup ngeri dibuatnya. Apatah lagi kalau penjara Akhirat. Ia dibuat daripada api yang 70 kali lebih panas daripada api dunia. Api dunia pun kita tidak. boleh pegang, apalagi api Neraka. Kita berada dalam rumah api yang dindingnya api, bumbungnya api, lantainya api, makanannya api, minumannya juga api, pakaiannya api, bantalnya api dan segala-galanya adalah api.

2. Miskin.

Kita cukup takut miskin di dunia. Sedangkan orang miskin itu masih ada rumah, ada makanan dan ada tempat mengadu. Cuma tidak berlebih. Cukup-cukup sahaja. Pun kita sudah takut sekali. Mengapa kita tidak takut dengan

kemiskinan di Akhirat yang maha dahsyat itu. Tidak ada ruang Akhirat untuk orang **yang** berdosa melainkan dalam' kawah api Neraka. Dalam kita meronta-ronta kesakitan dan kelaparan, tidak ada seorang pun **yang** peduli.

3. Sakit

Di dunia terlalu banyak hospital untuk mengubat sakit-sakit ringan apalagi sakit berat. Sebab orang cukup takut dengan sebarang penyakit. Patutnya orang cukup berhati-hati dengan sakit di Akhirat. Kerana di sana tidak ada hospital lagi sedangkan sakitnya maha dahsyat dari sebarang sakit di dunia ini.

4. Panas

Selain daripada panas api Neraka, **yang** 70 kali ganda dari panas api dunia, panas matahari juga **sangat** dahsyatnya sewaktu kita masih di Padang Mahsyar. Matahari yang begitu jauh dari kita itu pun kita tidak tahan teriknya yang membahang dan membakar, apalagilah kalau ianya didekatkan sejengkal dengan kepala kita. Bayangkanlah.

5. Jatuh

Di dunia kita cukup ngeri kalau kapal terbang **yang** kita naiki atau lain-lain kenderaan itu jatuh *accident*. Kerana ia boleh bawa mati. Tetapi ingatlah bahawa kiranya kita terjatuh ke Neraka, 70 tahun baru kita akan sampai ke dasarnya. Relakah kita untuk selama 70 tahun berpusing-pusing dan tunggang terbalik di mulut kawah api Neraka, sebelum terjunam ke dasarnya? Sedangkan untuk

dihumban ke dalam laut selama satu jam pun kita tidak upaya menahannya.

اَللّٰهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ

Terjemahannya: *Ya ALLAH selamatkan kami dari api Neraka.*

Jadi sekarang, sesudah melihat nikmatnya Syurga dan dahsyatnya Neraka di Akhirat dibandingkan dengan indah dan susahnya dunia, mana yang mesti kita utamakan? Rindukan Syurga dunia atau Syurga Akhirat? Gerunkan Neraka dunia atau Neraka Akhirat?

Katalah bahawa sepatutnya Akhiratlah yang utama dan diutamakan. Dunia rasanya cukup kecil untuk terlalu dibimbangkan. Bandingannya mana boleh di'50-5O'kan? Katalah kita hendak beli sebuah rumah teres dan sebuah rumah banglo mewah. Samakah peruntukan kepada kedua-dua rumah tersebut? 50-50 ke? Kalau 50-50, ertinya kita tidak akan dapat salah satu darinya. Begitulah antara dunia dan Akhirat. Mustahil kita '50-50'kan kalau kita jujur. Sebab Akhirat terlalu jauh bezanya dengan dunia. Sebab itulah ALLAH SWT di dalam kitab-Nya, sering membawa ki ta meliha t-lihat a tau menginga t-inga tkan Akhirat, sekalipun di dalam ayat-ayat yang membincangkan hal-ha1 dunia. Apalagilah dalam ayat-ayat yang khusus tentang Akhirat. Lihatlah contoh-contoh firman ALLAH ini:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Terjemahannya: *Makanlah dan minumlah tetapi jangan melampau (membazir). Sesungguhnya ALLAH fidak suka orang yang membazir.*

(Al 'Araf: 31)

فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ

Terjemahannya: *Maka berjalanlah di pelosok dunia dan makanlah daripada rezeki-rezeki kurniaan-Nya kerana kepada-Nya kamu akan kembali.*

(Al Mulk: 15)

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ فِى ٱلسَّرَّآءِ وَٱلضَّرَّآءِ

Terjemahannya: *Di antara sifat Mukmin itu ialah mengorbankan hartanya di waktu senang dan susah.*

(Ali lmran: 134)

فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ

Terjemahannya: *Nikahilah mana-mana perempuan yang baik pada (pandangan) kamu.*

(An Nisa ': 3)

Semua ayat di atas adalah perintah-perintah yang harus hukumnya. Yakni boleh dibuat dan boleh juga ditinggalkan. Memang urusan duniawi, harus sahaja hukumnya. Boleh makan, boleh tidak. Boleh berjalan-jalan, boleh juga tidak. Boleh nikah dan boleh tidak. Tetapi dalam soal-soal itu pun ALLAH tetap mengingatkan akibatnya di Akhirat. ALLAH kata boleh makan tetapi jangan membazir. Boleh berjalan-jalan tetapi jangan lalai hingga membuat maksiat. Boleh nikah tetapi dengan perempuan yang baik-baik. Supaya dia tidak jadi isteri yang derhaka. ALLAH tetap ingatkan bahawa sifat-sifat jahat dan buruk di dunia itu akan membawa kerugian di Akhirat.

Kalau tidak untuk Akhirat, **tentu** tiada sebab mengapa ALLAH mahu larang pembaziran, maksiat dan lain-lain kemungkaran itu. Supaya urusan-urusan dunia pun kita dapat jadikan Akhirat. Apalagilah urusan Akhirat, ALLAH memang wajibkan. 'Ertinya sangat penting dan memang iinggi nilainya. Lihat pula firman-firman ALLAH tentang urusan Akhirat:

اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ

Terjemahannya: Takutlah kepada *ALLAH dengun sebenur-benur tukut.*

(Ali Imran: 102

Perintah takut ini adalah wajib. Wajib takut dengan ALLAH. Tetapi bukan wajib sahaja. Bahkan dalam wajib, ada wajib kedua iaitu takut itu hendaklah sungguh-sungguh, bukan takut main-main. Wajib takut dan wajib sungguh-sungguh takut.

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ

Terjemahannya: *Berjuanglah untuk ,ALLAH dengan sebenur-benur berjuang.*

(Al Huj: 78)

Perintah ini juga wajib. Ini **juga** urusan Akhirat. Wajib berjuang dan wajib bersungguh-sungguh. Dalam wajib ada wajib lagi. Yakni wajib berjuang bersungguh-sungguh. Maknanya, urusan Akhirat memang kena buat dengan serius manakala urusan dunia boleh buat dan boleh tidak.

Atas dasar itulah maka saya mengatakan bahawa Rasulullah bermaksud dalam sabdanya itu, supaya kita buat kerja dunia jangan lebih daripada keperluan duniawi kita. Jangan pula kurang dari keperluan. Dan dengan

Akhirat pula,jangan kurang daripada keperluan Akhirat yang maha hebat itu. Dan jangan pula berlebihan sampai langsung tidak ambil keperluan duniawi atau langsung tidak membangunkan dunia untuk mencipta tamadun dunia Islam.

Untuk **dunia, kesederhanaannya ialah 1%.** Jangan lebih dan jangan kurang. **Untuk** Akhirat 99%, jangan lebih dan jangan kurang. Itulah sederhana ikut keperluan namanya. Kita ambil dunia 1% sahaja, selebihnya 99% kita gunakan untuk Akhirat. Saya tidak bermaksud supaya dunia tidak dipedulikan. Tetapi diurus dengan sebaik-baiknya. Bukan untuk kepentingan peribadi dan duniawi tetapi untuk **Akhirat.**

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

5

Contoh Kehidupan Yang Mengutamakan Akhirat

RAHSIA **kejayaan Rasulullah SAW, Khulafa ur** Rasyidin dan sekalian salafussoleh dapat memerintah dan memajukan tiga perempat dunia dengan **jayanya** ialah kerana mereka-cintakan Akhirat lebih dari cintakan dunia.

Kerana memberi tumpuan yang serius kepada Akhiratlah maka mereka dapat menundukkan dunia. Dan kalaulah mereka tidak dapat mengu tamakan Akhira t daripada dunia, nescaya mereka pun senasib dengan kita. Yakni bukan sahaja mereka tidak dapat menegakkan empayar, perintah satu negara pun tidak akan berjaya. Satu negeri pun gagal. Bahkan memerintah satu kampung pun tidak upaya. Kalau masalah dalam rumah pun tidak boleh diatasi, tidak selesai-selesai, apa lojiknya kita boleh selesaikan masalah yang lebih besar dari itu.

Sekali lagi saya katakan, berjayanya Rasulullah SAW dan para Sahabat mengIslamkan dunia adalah kerana mereka serius dalam menguruskan Akhirat. Proses itu berlaku begini:

Apabila **yang** diutamakan itu Akhirat, maka mereka tidak mengambil kepentingan-kepentingan duniawi untuk peribadi, keluarga dan klik-klik mereka. Sebab orang yang sangat memikirkan nasib di Akhirat, mereka sangat takut pada Hari Hisab di Padang Mahsyar nanti. Hari penggelidahan lahir batin oleh polis-polis Akhirat, iaitu para malaikat, terhadap setiap orang manusia tanpa kecuali.

Yang mana pada hari itu, orang-orang kaya di dunia, yang menimbunkan kekayaan yang halal untuk diri dan keluarganya sahaja, akan tertahan lama di border. Manakala yang kumpul kekayaan secara haram, terus terjun ke Neraka. Sementara orang miskin terutamanya yang miskinnya itu disengajakan kerana harta bendanya digunakan untuk khidmat masyarakat, untuk jihad fisabilillah, untuk ALLAH dan Rasul, untuk pembangunan-pembangunan material demi tertegaknya tamadun Islam yang canggih, maka ia akan dibebaskan dengan mudah, untuk pergi ke Syurga. Dalam Hadis, Rasulullah ada berkata:

يَدْخُلُ الْفُقَرَاءُ الْجَنَّةَ قَبْلَ الأَغْنِيَاءِ بِخَمْسَائَةِ عَامٍ

Terjemahannya: Orang *miskin itu akan masuk ke Syurga 500 tahun sebelum orang kaya.*

(Riwuyat At Tarmizi)

Atas dasar itulah Rasulullah SAW dan para Sahabat sangat merebut peluang ini. Mereka meminta agar mereka tetap dapat hidup seperti orang miskin, sekalipun mereka diberi seluruh kekayaan dunia. Sebab itu di waktu 3/4 dunia sudah ada dalam tangan, mereka masih tetap dapat zuhud lagi dengan dunia. Dan dengan sebab itulah mereka dapat memerintah dengan jayanya.

Apabila setiap individu sanggup hidup macam orang miskin, kerana kckayaan mereka itu dikorbankan untuk kepentingan masyarakat, demi membangunkan hukurn ALLAH, maka hasilnya masyarakat dapat melahirkan banyak projek pembangunan seperti sekolah, hospital, kilang-kilang dan lain-lain lagi. Dalam pada itu kerajaan yang adil pula akan menggunakan wang negara untuk projek-projek pembangunan masyarakat yang semua itu akan memberi kemudahan pada rakyat. Maka rakyat akan mendapat keselesaan hidup serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Jadilah negara itu penuh dengan

pembangunan-pembangunan kepunyaan umat Islam dan rakyatnya hidup aman makmur. Proses inilah yang membawa kepada terbangunnya negara yang ALLAH kehendaki, iaitu:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahannya: Negara yang aman *makmur dun mendupuf keampunan ALLAH.*

(Saba: 15)

Tanpa proses ini, negara dan masyarakat akan dikuasai oleh orang lain, dan rakyat hidup susah. Sebaliknya orang yang memerintah hidup senang-lenang. Keadaan ini boleh dilihat di Malaysia dan lain-lain negara umat Islam di seluruh dunia. Yang mana ekonomi negara dan masyara-. kat berada dalam tangan bangsa asing. Perojek-projek ekonomi yang besar-besar berada dalam tangan orang luar atau beberapa orang kapitalis Melayu, Cina dan India. Rakyat hidup ala kadar. Pemerintah hidup kaya-raya. Wakil rakyat pun lebih kaya dari sebelumnya. Yang miskin terlalu miskin. Yang kaya terlalu kaya. Keadilan yang sebenar tidak wujud. Keamanan yang sebenar tidak jadi realiti. Kemakmuran yang sebenar tidak terasa. Keampunan dari ALLAH tidak diperolehi hasilnya. Akhirnya di Akhirat masuk Neraka.

Sebab itu Islam meminta umatnya agar berjuang dan berkorban. Yang mana dengan kaedah itu, sistem ekonomi kapitalis akan terbunuh dengan sendirinya. Sayidina **Abdul Rahman bin Auf** berjaya menghalau kapitalis Yahudi dari Madinah, sekaligus membunuh sistem kapitalis itu, bukan dengan pergaduhan dan peperangan. Tetapi dengan membangunkan sistem ekonomi Islam di sebelah sistem kapitalis. Bila masyarakat memilih sistem Islam, dengan sendirinya sistem kapitalis terbunuh.

Dalam masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam, kemasukan wang kepada negara dan masyarakat cukup besar. Sebab pemerintah tidak ambil **wang** negara lebih dari keperluan. Mereka cuma ambil maasy yakni mengikut keperluan. Selebihnya untuk negara dan rakyat. Ini yang dapat dibuat oleh Rasulullah dan para Sahabat. Orang-orang kaya pula **sangat** kuat berkorban. Maka semua wang yang terkumpul digunakan untuk membangunkan kilang-kilang, perniagaan-perniagaan dan macam-macam perusahaan untuk rakyat. Sebab itu rakyat dapat hidup **senang.** Mungkin lebih senang dari pemimpin-pemimpin dan orang-orang besar mereka. Sebab itu masyarakat tidak buat masalah lagi. Dan jadilah negara itu negara yang benar-benar aman dan makmur.

Tetapi mana ada kerajaan yang mampu mengorbankan kekayaan mereka untuk rakyat. Hampir semua pemimpin **yang** naik, menjadi lebih kaya dari sebelumnya, sama ada dirancang atau tidak. Sebab dunia itu penipu, kata ALLAH. Pemimpin yang bercita-cita hendak menegakkan Islam pun dapat ditipunya. Apalagilah yang memang bercita-cita untuk dapatkan dunia. Lagi hebatlah tipuannya.

Oleh itu mari kita kaji semula cara hidup Rasulullah SAW dan salafussoleh supaya kita benar-benar terdidik dan cukup kuat untuk menghadapi dunia ini. Moga-moga kita selamat sebagaimana selamatnya Rasulullah dan para Sahabat dalam menghadapi dan menguruskan dunia ini.

Sikap mereka terhadap urusan dunia:

1. Rumah

Kalaulah Rasulullah SAW mahu, rumahnya boleh mengalahkan semua rumah raja-raja di dunia. Sebab baginda dengan doa sahaja boleh dapat apa **yang** dimahunya. Pasir pun boleh jadi emas. Gunung Uhud

pernah bertukar menjadi emas hasil doa Rasulullah. Tetapi semua itu ditolaknya. Bila Rasulullah SAW tolak dunia, jangan kita kata, "Dia Nabi, bolehlah!"

Baginda menolak itu bukan kerana dia Nabi. Yang mana kalau bukan Nabi, bolehlah baginda mengambilnya. Bukan begitu! Rasul itu contoh kita dalam segala hal. Rasulullah SAW menolak kekayaan adalah kerana baginda tidak mahu umatnya mengambil kekayaan untuk peribadi dan duniawi. Itulah maksudnya. Sekalipun baginda Rasul kekasih ALLAH, apa saja baginda boleh dapat, tetapi baginda tetap mahu hidup macam hamba. Itulah sikap pemimpin sejati. Yang boleh pun, tidak diambil, apalagi yang tak boleh. Sebab itu rumahnya betul-betul macam rumah seorang hamba kecil, sempit, berbumbung rendah, dibuat dari tanah dan pintunya dari kain guni.

2. Tempat tidur

Alas tidur Rasulullah SAW cumalah anyaman tikar daun kurma (macam tikar mengkuang). Bila bangun, berbekas urat-urat daun anyaman pada badan baginda yang mulia itu. Kebesaran baginda sebagai pemimpin dunia, yang namanya sampai hari ini dilaungkan di segenap pelosok dunia, di surau dan masjid, terkenal dan dicintai oleh dunia, tidak pun menghalang baginda untuk terus hidup seperti hamba yang lemah dan hina. Walhal kita baru jadi kerani sudah mahu bergaya, lagak macam tuan. Sudah rasa tidak layak hendak menjadi hamba. Apalagilah tuan-tuan besar kita itu. Memang takkan sudilah untuk mencemar kemuliaan seperti seorang hamba yang lemah lagi hina di sisi Tuhannya.

3. Makan dan makanan

Rasulullah memanglah makan. Tetapi seringkali juga baginda berlapar. I'erutnya pernah diikat dengan batu untuk menahan kelaparan. Kerana makanannya diberikan pada orang lain. Apabila baginda makan, yakni makan hanya bila lapar dan berhenti makan sebelum kenyang, seringnya makanan baginda cuma susu, air dan kurma.

Kiranya ada berlebih, baginda tidak buang. Pantang Rasulullah menghina pemberian ALLAH sekalipun sekecil-kecil barang. Baginda sangat sayang dan menjaga rezeki yang ALLAH kurniakan. Sebab itu kalau berlebih, cepat-cepat dihantar ke rumah jiran yang perlu untuk dihabiskan. Baginda tidak menyimpan makanan di malam hari. Hidupnya bagaikan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Makan pula betul-betul macam hamba. Macam orang susah makan. Iaitu baki-baki kuah dan makanan dalam bekas makannya dijilat hingga licin, disapu bersih. Siti Fatimah Az Zahra puteri Rasulullah SAW, sangat kenal bekas makan Rasulullah kerana katanya begitu licin seolah-olah sudah berbasuh. Serbuk-serbuk makanan dikutip, kuah yang tumpah disapu dengan jari dan dijilatnya. Dan baginda tidak akan makan seorang diri, mesti secara jemaah.

4. Pakai dan Pakaian

Rasulullah SAW cuma ada sedikit pakaian. Itu pun jenis pakaian orang susah. Sesekali baginda pakai juga pakaian mahal yang dihadiahkan orang, bukan hasil usahanya sendiri. Baginda memakainya kerana menghormati pemberian hadiah dari orang itu. Tetapi lazimnya

pakaiannya yang cantik, kemas dan bersih serta wangi itu adalah jenis pakaian murah.

5. Kenderaan

Sebagai hamba, baginda tidak rasa jijik untuk naik keldai. Tetapi baginda juga berkuda dan naik unta sesuai dengan keperluan perjalanan. Sementelahan pula, keperluan perhubungan yang jauh serta peruntukan-peruntukan perjuangan memang memerlukan kenderaan yang agak canggih. Misalnya, baginda menunggang kuda Sambrani, seekor kuda **yang** dihadiahkan kepadanya.

6. Harta Benda dan Wang Ringgit

Rasulullah SAW asalnya kaya dan berada. Kerana seluruh kekayaan isterinya Siti Khadijah diserahkan padanya. Tetapi sewaktu wafat, baginda tidak meninggalkan apa-apa harta dan Wang ringgit. Ertinya kekayaannya bukan untuk tumpuk harta dan simpan harta. Semuanya telah dikorbankan untuk jihad fisabilillah sebagai sumber pembangunan ummah.

Bila sudah berkorban sampai begitu sekali, apa jaminan masa depan anak-anak yang ditinggalkan? Persoalan ini tidak timbul sama sekali. Sebab setiap **anggota** masyarakat tentu mendapat pembelaan dari masyarakat yang beriman. Iaitu dari kerajaan dan masyarakat **yang** memerintah, menjaga dan mengawal anak buahnya dengan penuh kasih sayang dan tanggungjawab; yang cintakan ALLAH dan Akhirat lebih dari cintakan dunia dan segala kesenangan di dalamnya. Siapa yang hidup dalam jemaah Islam atau negara Islam pasti terbela. Dunia dan Akhirat. Bukan dunia sahaja dan bukan Akhirat sahaja.

Begitulah sikap Rasulullah terhadap dunia. Baginda seolah-olah tidak peduli sangat dengan urusan dunianya. Yakni rumahnya, pakaian, makan minum, tidur baring dan lain-lain urusan duniawi dan peribadi. Tetapi untuk Akhirat, baginda sangat serius. Baginda tidak main-main. Baginda sangat ambil berat dan bersungguh-sungguh. Marilah kita lihat buktinya:

1. Perjuangan

Saya letakkan perjuangan sebagai perkara pertama dalam kerja-kerja Akhirat yang Rasulullah lakukan. Tujuan saya ialah untuk menarik perhatian pembaca tentang pentingnya perjuangan ini. Di samping untuk menyatakan bahawa ia bukan urusan dunia tetapi adalah urusan Akhirat. Yang mana selama ini ramai menganggap perjuangan itu tidak penting dan merupakan kerja-kerja duniawi, bukan Ukhrawi.

Rasulullah SAW berjuang sepanjang umurnya. Berjuang untuk menegakkan kalimah ALLAH di muka bumi. Dengan kata lain, berjuang untuk meng-Islamkan dunia. Bahkan perjuangan itu menjadi cita-cita hidup matinya. Dan untuk itulah baginda dilantik jadi nabi dan Rasul. Sebab itu baginda sungguh serius dalam perjuangan. Demi menegakkan perintah ALLAH, baginda sanggup hadapi apa saja risiko. Sekalipun mati. Rasulullah pernah bertegas dengan bapa saudaranya:

وَاللهِ يَا عَمِّ، لَوْ وَضَعُوْا الشَّمْسَ فِىْ يَمِيْنِي وَالْقَمَرَ فِىْ يَسَارِيْ عَلَىَ أَنْ أَتْرُكَ هَذَا الأَمْرَ مَا تَرَكْتُهُ، حَتَّى يَظْهَرَهُ اللهُ

Terjemahannya: *Demi Allah wahai bapa saudaraku, sekulipun mereku meletukkun matahari di tangan*

kananku dan bulan di tangan kiriku supaya aku meninggalkan urusan ini nescaya aku tidak akan tinggalkannya, sehingga ALLAH memberi keputusannya.

Umur baginda habis untuk perjuangan. Harta benda habis untuk itu. Tenaga, fikiran, jiwa raga semuanya untuk jihad fisabilillah. Baginda jadi miskin, dihina, diburu, dikejar, diundang ke medan perang dan hampir-hampir mati ditetak. Semuanya dihadapi semata-mata mahu memperkenalkan ALLAH pada dunia serta menegakkan syariat-Nya. Begitulah bersungguh-sungguhnya baginda Rasulullah SAW dalam berjuang.

2. Mendidik

Usaha ini adalah satu dari cabang perjuangan yang penting. Ia juga urusan Akhirat. Rasulullah SAW siang malam, pagi petang, atau di mana saja, sentiasa mendidik umatnya. Tidak minta upah dan tidak cari kepentingan. Baginda lakukan itu semata-mata kerana sayangkan umat, agar mereka selamat dunia Akhirat. Baginda sangat serius menasihati, menegur, memandu dan menunjuk ajar siapa saja tanpa mengira pangkat atau darjat. Baginda pergi ke pasar, pergi ke Taif, pergi ke mana-mana sahaja, sekalipun di atas unta, untuk menyampaikan mesej Ilahi pada manusia. Hingga waktu sakit tenat dan hampir wafat pun baginda masih bercakap tentang nasib umat.

3 : Berkorban

Perjuangan dan pendidikan tidak akan berjalan baik tanpa pengorbanan. Sebab itu Rasulullah sangat serius berkorban. Korban wang ringgit, harta benda, masa, tenaga, fikiran dan segala-galanya. Baginda pergi ke medan perang, di

baris hadapan. Baginda ikut sama mengorek parit dan mengangkat batu dalam Perang Khandak. Baginda hidup bersama fakir miskin, janda dan anak yatim untuk menjadi pembela pada orang-orang susah itu. Bila dapat harta rampasan perang, baginda dahulukan ahli suffah dan masyarakat lainnya. Diri dan keluarga tidak dapat apa-apa. Orang berhutang, bagindalah yang membayar. Kalau ada masakan, mesti dihulurkan pada jiran, sekalipun kaki kambing. Pendeknya, untuk keselamatan ummah, baginda yang menanggung susah dan payahnya.

4. Akhlak

Baginda sangat serius menjaga akhlaknya. Ini juga soal Akhirat. Baginda memiliki akhlak yang agung, kata ALLAH. Ertinya ALLAH pun kagum dan memuji keupayaan Rasul-Nya dalam melayani ALLAH dan hamba-hamba ALLAH, dengan sebaik-baik akhlak. Kita lihat tiga contoh yang memperlihatkan agungnya akhlak Rasulullah:

a. Pemaaf

i. Ada seorang perempuan tua Yahudi yang selalu menyusahkan Rasulullah di perjalanan. Yakni dengan menabur duri dan najis di jalan yang dilalui oleh Rasulullah bila pergi berdakwah. Si tua itu sangat benci dengan Rasulullah. Tetapi satu hari ketika ia jatuh sakit, satu-satunya orang yang datang ziarah beliau ialah Rasulullah. Alangkah pemaafnya baginda. Bukan sahaja diziarah tetapi dicarikan ubat. Hingga di atas akhlak yang luar biasa itu, perempuan tua itu akhirnya memeluk Islam.

ii. Satu hari Rasulullah berjalan dengan mema-

kai baju Arab Najran. Tiba-tiba seorang Arab Badwi menarik baju itu dan meminta diberikan kepadanya. Hampir-hampir luka leher Rasulullah kerana tarikan tersebut. Tetapi baginda memaafkan si Badwi tersebut. Bahkan baju itu dibuka dan dihadiahkan kepada si Badwi tadi.

b. Kasih Sayang

Kalau dua tiga hari Rasulullah tidak nampak salah seorang Sahabatnya atau tidak bertemu, nescaya akan ditanya dan dicari oleh baginda. Bagindalah yang akan ziarah ke rumah Sahabat tanpa rasa sombong. Baginda makan, sembah yang, dan duduk sama-sama dengan para Sahabat. Satu hari, ketika sedang mengadap hidangan makanan, datang seorang tua yang berkudis, hitam legam kulitnya, buruk rupanya dan berair pula kudisnya, datang meminta makanan. Rasulullah tanpa jijik dan dengan penuh tawadhuk, memegang tangan orang itu, dibawa ke sebelahnya untuk makan bersama-sama. Masya-ALLAH, agungnya akhlakmu ya Rasulullah.

c Ibadah

Perkara ini memanglah perkara Akhirat. Yang pada sesetengah orang Islam telah ‘diduniakan’ juga, untuk mencari untung dunia. Rasulullah telah menunjukkan ibadah yang terbaik dan terbanyak. Tetapi ingat, hal itu bukan khusus untuknya sebagai Nabi. Rasulullah mencontohkan ibadah untuk kita ikuti jejak langkahnya.

Rasulullah sembahyang sunat terlalu banyak. Adakala semalaman tidak tidur hingga bengkak-bengkak kakinya.

Ertinya beribu-ribu rakaat baginda dapat rukuk dan sujud untuk Tuhan dalam menyatakan syukur dan kehambaan yang setinggi-tingginya.

Puasa juga banyak. Sehari puasa, sehari pula makan. Begitulah digilir-gilirkan. Tentang zikir, bukan sahaja waktu jaga, dalam tidur pun baginda berzikir. Baginda adalah 'Al Quran bergerak'. Ertinya Al Quran bukan sahaja dihafal bahkan dijadikan panduan seluruh hidupnya.

Melihat kepada ciri-ciri ini, benarlah dia Nabi kekasih ALLAH. Yang sangat cintakan ALLAH dan Akhirat. Hatinya tidak terpaut sedikit pun pada dunia. Maka marilah kita letakkan kasih dan rindu padanya. Ini adalah kerana terlalu besar jasanya pada kita اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Setelah menyaksikan bagaimana sikap Rasulullah SAW terhadap dunia dan juga terhadap Akhirat, bolehlah kita simpulkan bahawa nisbah dunia Akhirat bukan fifty-fifty (50:50). Sebaliknya ialah 1:99.

Untuk dunia satu peratus sahaja. Untuk Akhirat 99 peratus. Kesederhanaan atau keseimbangan tenaga kerja untuk dunia ialah satu. Manakala kesederhanaan atau keseimbangan tenaga kerja untuk Akhirat ialah 99. Barulah sesuai dengan darjat dan nilai masing-masing. Itulah keseimbangan dalam Islam. Itulah ukuran yang tepat, bijak, lahir dari fikiran yang luas dan matang. Sesiapa yang masih mahu menyamakan kerja untuk dunia dengan keperluan untuk Akhirat, 50-50, itu datangnya dari nafsu yang jahat dan fikiran yang sempit. Bukan sahaja orang dewasa, kanak-kanak pun akan hairan dan mentertawakannya. Tersesat dalam berfikir! Jahil dalam menilai dunia dan Akhirat.

Bila Islam meletakkan nisbah dunia Akhirat 1:99, jangan kita anggap umat Islam mesti tinggal dunia. Sebaliknya kerana diuntukkan kepada Akhirat 99 itulah maka dunia dapat dibangunkan dengan keadaannya yang

aman dan wujud masyarakat yang kaya-raya. Hingga semua orang dapat merasa nikmat hidup termasuk orang kafir. Sebaliknya kalau dunia 99, Akhirat 1, akan terjadilah macam hari ini. Yakni individu kaya tetapi masyarakat miskin dan Islam tidak dapat ditegakkan.

6

Rahsia Terbangunnya Tamadun Ummah

KONSEP 50-50 (fifty-fifty) yang diamalkan dalam kehidupan umat Islam kini, ternyata telah gagal untuk menjadikan umat Islam satu bangsa yang gagah. Konsep menyamakan dunia dan Akhirat yang dipertahankan itu bukan saja tidak boleh mengangkat ummah ke tangga kejayaan, malah 1001 macam masalah yang timbul dalam masyarakat pun tidak mampu diselesaikan. Pegangan kepada konsep *fifty-fiffy* nampaknya telah menjunamkan kita kepada kebinasaan yang amat memalukan. Lalu, untuk keluar dari kesilapan ini, kita mesti mencari satu pengertian dan kaedah baru dalam soal corak hidup kita dunia dan Akhirat.

Kalau selama ini kita memburu kemajuan dan kejayaan duniawi, sedangkan yang diburu tidak juga dapat-dapat, maka tentu kita kena cari jalan lain untuk mendapatkan apa yang dikejar-kejarkan itu. Seperti seorang yang memburu bayang-bayang sendiri, tidak pernah dapat-dapat. Maka supaya bayang-bayang itu dapat dikuasainya, dia kena bertindak lari dari bayang-bayang itu. Yakni mengalih hala perjalanannya sebanyak 180 darjah, hingga arah yang baru ini bertentangan sungguh dengan yang awal. Maka akan terjadilah ha1 di mana bayang-bayang itu pula yang akan memburunya untuk mendapatkannya. Inilah yang selalu disebut-sebut oleh ulama-ulama yang mata hatinya tajam atau ulama-ulama Akhirat. Kalau kita buru dunia, dunia akan lari dari kita. Tetapi kalau kita

kita. Tetapi **kalau kita buru Akhirat, nanti dunia** mengikut kita.

Sudah lama kita melupakan Akhirat kerana inginkan dunia. Tetapi nyata dunia tidak dapat, Akhirat pun terlepas. Maka mari kita utamakan Akhirat, moga-moga dunia akan terkait **sama.** Ini terbukti berlaku pada generasi salafussoleh, yang berjaya menawan dunia sewaktu dalam perjalanan mereka menuju ke Akhirat.

Hidup mereka diniatkan untuk ALLAH dan Akhirat. Dunia dijadikan alat untuk mencapai matlamat tadi. Bila dunia diambil sebagai alat dan bukannya matlamat, hasilnya ialah dunia dapat dibolot sebanyak-banyaknya dan terbangun segala hukum-hakam ALLAH serta terbina satu tamadun yang luar biasa.

Itulah bukti sejarah yang tidak boleh diragu-ragukan lagi. Kiranya benar kita mahu menjadi bangsa yang gagah, bertamadun dan berjaya menawan kembali dunia ini dari tangan orang-orang kafir, kita mesti jejaki perjalanan sejarah itu. Kita tidak akan rugi bahkan kita akan dapat untung besar. Kita seolah-olah seorang pengail yang dapat menangkap seekor ikan besar, hasil mengorbankan seekor ikan kecil sebagai umpannya.

Umat Islam mesti mengambil 1% sahaja dunia untuk dirinya. Manakala 99% ialah untuk Akhirat. Dunia yang dimaksudkan ialah hartanya, wangnya, tenaganya, fikiran-nya, masanya dan jawatan serta apa-apa juga kuasa yang lain. Semuanya itu diniatkan untuk jihad fisabilillah, kecuali 1% darinya untuk diri dan duniawi. Contohnya, kita ada duit $10. Maka $1 sahaja untuk keperluan kita, selebihnya ialah untuk masyarakat. Yakni niatkan kerana ALLAH sebagai simpanan Akhirat.

Contoh lain, katalah kita ada masa lapang lima jam dalam sehari. Maka satu jam **sahaja** untuk diri, keluarga

dan lain-lain lagi. Manakala empat jam lagi adalah untuk buat kerja-kerja masyarakat, perjuangan di jalan ALLAH, *hablumminannas* dan *hablumminallah.* Demikianlah juga dengan perkara-perkara yang lain.

Dengan kata-kata lain, untuk dunia l%, untuk Akhirat 99%. Satu peratus kita guna untuk buat kerja-kerja duniawi yang halal manakala 99% daripada milik kita di dunia ini kita korbankan untuk tujuan ibadah kepada ALLAH SWT. Yang faedah dari pengorbanan kita itu, akan diperolehi oleh masyarakat dan negara. Pahalanya dapat pada kita. Pembangunan tamadunnya berlaku dengan pesat dalam negara. Hal ini boleh berlaku begini

Apabila masing-masing dari kalangan umat Islam menyerahkan 99% daripada miliknya kepada orang lain, yakni masyarakatnya, cuma 1% untuk dirinya, maka raja-raja, menteri-menteri, bekas menteri, orang-orang kaya, pemimpin-pemimpin dan jutawan-jutawan yang semuanya menjadi stok simpanan Wang itu, hendaklah menggunakan kekayaan mereka untuk berbagai-bagai projek bagi kepentingan masyarakat seperti:

1. Mengeluarkan biasiswa untuk rakyat yang memerlukan.

2. Membangunkan bangunan-bangunan yang diperlukan oleh masyarakat seperti bangunan-bangunan sekolah, pusat pengajian tinggi, hospital, institusi-institusi penyelidikan ilmiah, pejabat-pejabat, rumah-rumah anak yatim, janda-janda dan fakir miskin, mewakafkan tanah dan kenderaan, membina kilang-kilang untuk mengeluarkan segala barangan keperluan masyarakat yang halal, dan lain-lain.

3. Melakukan khidmat-khidmat lain untuk masyarakat seperti menyediakan perahu-perahu atau bot sewaktu banjir atau keperluan harian mereka untuk menyebe-

rang, mendirikan perhentian bas, tandas-tandas awam, jalan raya, rumah-rumah tetamu dan rumah rehat untuk musafir kelana, serta rumah tumpangan murah untuk orang-orang miskin yang berjalan ke bandar yang tidak mampu menyewa hotel, membuka kebun-kebun dan ladang-ladang wakaf.

4. Menjadi bank kepada masyarakat dengan menghulurkan pinjaman tanpa bunga dan kalau perlu bantuan percuma.

Bila orang-orang kaya menyumbang kekayaan mereka untuk tujuan-tujuan tadi, dengan diniatkan kerana ALLAH, untuk jihat fisabilillah, yakni dengan harapan mendapat pahala yang besar di Akhirat nanti, maka hasilnya masyarakat Islam mempunyai macam-macam pembangunan kepunyaan bersama. Ertinya masyarakat mereka kaya-raya. Bila masyarakat sudah kaya, dengan sendirinya setiap individu dalam masyarakat boleh hidup dengan serba ada. Hak masyarakat dikongsi bersama. Orang-orang miskin itu hidupnya tidak miskin lagi. Walaupun mereka tiada harta benda yang banyak, tetapi mereka dapat hidup dengan makmur kerana semua keperluan mereka diperolehi dari masyarakatnya yang serba ada. Sebab itu dalam Islam, miskin bukannya satu masalah. Yang jadi masalah ialah orang kaya yang tidak berkhidmat kepada orang miskin dan masyarakatnya.

Itulah bezanya masyarakat yang menjalankan cara hidup Islam dengan masyarakat yang tidak menjalankan sistem hidup Islam. Di dalam sistem hidup Islam, tidak berlaku orang-orang kaya terlalu kaya dan orang-orang miskin terlalu miskin. Keadaannya seimbang. Sebaliknya dalam masyarakat yang tidak mengamalkan sistem Islam, berlaku keadaan di mana orang kaya terlalu kaya, orang miskin terlalu miskin, bahkan terbiar. Inilah dasar sistem kapitalis. Ketidakseimbangan ini akan menimbulkan pula

berbagai-bagai masalah lain dalam masyarakat seperti pencurian, pembunuhan, kasta-kasta, hasad dengki, hidup nafsi-nafsi dan lain-lain lagi.

Masalah-masalah ini timbul adalah kerana orang-orang miskin tidak dibela dan tidak dipedulikan oleh orang-orang kaya, pemimpin-pemimpin, menteri-menteri dan raja-raja mereka. Nasib mereka yang miskin ini diserahkan kepada kerajaan semata-mata. Dalam keadaan itu ketenangan dan keamanan tidak mungkin berlaku. Sedangkan dalam masyarakat yang orang kayanya mengambil berat tentang rakyat bawahan, yakni dengan mengorbankan sebahagian besar kekayaan mereka untuk si miskin, dengan niat untuk mendapat pahala di Akhirat,, akan berlaku hubungan baik antara tingkatan-tingkatan manusia dalam masyarakat. Sehingga wujudlah rasa tenang dan aman di hati-hati mereka dalam kehidupanf seluruhnya.

Tetapi ha1 ini tidak berlaku nampaknya, sekalipun dalam negeri atau negara-negara umat Islam. Mana ada raja-raja di dunia atau presiden-presiden, menteri-menteri atau bekas-bekas menteri, jutawan-jutawan dan juga pemimpin masyarakat yang sanggup hidup sederhana kerana kekayaannya dikorbankan ke jalan ALLAH sebagai simpanan di Akhira t. Dengan menyalurkan pada masyarakat seperti yang disebut di atas tadi.

Yang ada hari ini di seluruh dunia ialah, orang-orang besar serta orang-orang kaya itu menimbun-nimbun harta untuk peribadi dan keluarga tanpa puas-puas. Mereka tidak ambil kisah dengan nasib rakyat, yang serba daif, yang sesetengahnya itu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Tidak masuk dalam perancangan perjuangan mereka untuk membangunkan kekayaan pada masyarakat agar dengan itu orang-orang miskin terbela dan tamadun umat terbangun dalam negara.

Sebab itu kita tidak dengar ada raja-raja atau menteri-menteri atau bekas menteri serta jutawan yang keluarkas biasiswa atas nama peribadinya. Walhal kekayaan mereka itu sesetengahnya hampir-hampir sama dengan kekayaan sebuah negara. Lebih-lebih lagilah tidak ada jalan raya, bangunan sekolah atau hospital dan lain-lain lagi yang dibangunkan oleh mereka. Kalau ada pun terlalu kecil untuk menampung keperluan masyarakat dan negara seluruhnya. Semuanya harapkan kerajaan sahaja. Yang mana kerajaan pun cuma beri sedikit sahaja untuk tujuan itu. Kerana sebahagian besar wang negara masuk poket sendiri dan kaum keluarga serta klik-kliknya sahaja. Tanah perkuburan raja-raja atau bangunan maqam mereka sahaja lebih mahal dari rumah rakyat. Padang golf mereka sama harganya dengan ribuan rumah rakyat. Sebuah kereta mereka sama harganya dengan berpuluh-puluh buah rumah rakyat.

Hasilnya, harta kepunyaan masyarakat dalam negara itu tidak pun cukup untuk membela hidup masyarakat seluruhnya. Kadang-kadang harta seorang bangsa asing sahaja lebih banyak daripada kepunyaan umat Islam. Orang lain yang kuasai kekayaan dan tamadun negara itu. Bila-bila masa negara boleh dilelong oleh bangsa asing itu. Begitulah akibat umat Islam terutama pembesar-pembesar, pemimpin-pemimpin dan orang-orang kaya yang cintakan dunia. Sudahlah umat hidup ala kadar bahkan ada yang sentiasa tidak cukup, negara pun berada dalam tangan orang lain. Tamadun sendiri tidak ada, apalagi untuk jadi negara yang boleh menaungi negara-negara lain di dunia; jauh sekali.

Mungkin ada orang bertanya, mengapa bangsa asing itu boleh jadi empayar walaupun mereka tidak cinta Akhirat?

Pada saya, ALLAH SWT tidak akan samakan per-

tolongannya **pada orang** kafir dan pada umat Islam. Orang kafir dibantu kerana *quwwah,* (kekuatan lahir) sedangkan orang Islam dibantu kerana **taqwa.** Orang kafir dengan kekuatan lahir, orang Islam dengan kekuatan iman, **ukhuwah,** dan **kefahaman dan keselarasan.**

Jadi tanpa iman pun orang kafir boleh jadi empayar. Tetapi tidak dengan umat Islam. Selagi umat Islam tidak bertaqwa, ALLAH akan biarkan mereka. Sabda Rasulullah **SAW**:

يُوْشِكُ اَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمُ الأُمَمُ كَمَا تَدَاعَى الأَكَلَةُ اِلَى
قَصْعَتِهَا ، فَقَالَ قَائِلٌ: وَمِنْ قِلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ ؟ قَالَ:
بَلْ اَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيْرٌ وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَغُثَاءِ السَّيْلِ.
وَسَيَنْزِعَنَّ اللهُ مِنْ صُدُوْرِ عَدُوِّكُمُ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ ،
وَلَيَقْذِفَنَّ فِيْ قُلُوْبِكُمُ الْوَهَنَ. قَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُوْلَ
اللهِ وَمَا الْوَهَنُ؟ قَالَ: حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Terjemahannya: *Akan tibu masanya umat Islam akan dikeronyok oleh satu golongan (musuh) sepertimana si rakus berhadapan dengan hidangan makanan. Para Sahabat dengan hairan bertanya, "Apakah kerana bilangan kita se&kit, ya Rasulullah?" Baginda menjawab, "Tidak, bahkan kamu ramai tetapi kamu umpama buih-buih di permukaan air. Akan ALLAH cabutkan perasaan gerun musuh terhadap kamu sebaliknya mencampakkan ke dalam hati kamu penyakit wahan." Sahabat bertanya lagi, "Apakah wahan itu?" Sabda .baginda, "Gila dunia dan takut mati."*

(Riwayat Abu Daud)

Kata-kata Rasulullah SAW itu sudah tepat berlaku depan mata kita. Di seluruh dunia hari ini, umat Islam

bagaikan buih-buih di Iautan. Masing-masing mahu' membangun macam orang-orang kafir membangun. Mereka meniru orang kafir. Tetapi hasilnya mereka jadi terhina. Sebaliknya orang kafir mulia. Sebab ALLAH tidak akan membantu selagi mereka tidak mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dan salafussoleh. ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahannya: *ALLAH tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum ifu mengubah apa yang ada &lam diri mereka.*

(Ar Ra'd: 11)

Yakni dengan menjadi orang yang bertaqwa. Dengan taqwa, manusia akan mampu mengorbankan kepentingan dunia, untuk diserahkan kepada masyarakat, demi mengharapkan pahala di Akhirat. Yakni keredhaan dan keampunan ALLAH SWT. Hanya dengan itu saja pembangunan-pembangunan negara dan masyarakat dapat dimaksimumkan sehingga umat Islam tidak perlu lagi bersandar pada orang lain.

Kata-kata ini akan jadi praktikal kalau raja-raja, menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin bersedia menurunkan gaji mereka. Ambil untuk keperluan sahaja. Selebihnya untuk kepentingan rakyat. Buat projek-projek ekonomi, faktori-faktori, estet-estet dan lain-lain keperluan rakyat untuk kemudahan mereka. Nanti negara akan pesat membangun sebagaimana negara-negara maju.

Hari ini di Malaysia, projek kerajaan gagal. Atas dasar itu, mungkin orang-orang besar dan orang-orang kaya ada alasan untuk tidak mahu membantu rakyat lagi. Kerana rakyat tidak pandai menggunakan amanah mereka.

Sebenarnya rakyat jadi tidak amanah dan tidak jujur serta khianat itu adalah kerana mereka tidak dididik dengan betul oleh pemimpin-pemimpin mereka dan juga ulama-ulama, pewaris Nabi yang ALLAH amanahkan tugas itu. Sebab itu dalam usaha hendak membina masyarakat Islam yang tulen, semua pihak mesti jalankan tugasnya dengan betul. Pemimpin memerintah dengan adil serta mendidik rakyat. Orang kaya jadi bank, korbankan harta bendanya. Ulama mendidik dan mengajar. Si miskin redha dan sabar. Lelaki bertanggungjawab. Perempuan taat dan malu. Begitulah seterusnya yang lain-lainnya.

Jadi untuk menyelesaikan masalah rakyat yang tidak amanah ini, para pemimpin dan para ulamalah yang mesti bekerja keras mendidik mereka. Didik dengan ilmu, Islam, iman dan taqwa.

Sebab itu demi pembangunan negara dan masyarakat yang baik, saya berseru kepada semua pihak pemimpin-pemimpin, orang-orang kaya, ulama-ulama-agar mengorbankan kepentingan diri untuk masyarakat yang diamanahkan oleh ALLAH SWT kepada kita. Kalau kita juga tidak amanah dengan ALLAH, ketahuilah bahawa azab ALLAH itu maha pedih.

Tetapi kiranya kita buat kerja ALLAH itu, ganjaran-Nya terlalu besar. Kalaulah kita dapat ambil 1% sahaja dari dunia ini untuk kepentingan diri, 99% lagi untuk jalankan amanah ALLAH itu, maka ALLAH akan angkat darjat kita setinggi-tingginya di Akhirat nanti. Manakala di dunia, kita akan jadi tuan-tuan yang mencatur dunia. Segala kekayaan dan tamadun dunia, ALLAH akan serah kepada kita.

Untuk itu kita kena tukar konsep 50:50 itu kepada 1:99. Fifty-fifty itu bukan sahaja ternyata gagal membina tamadun dan empayar Islam tetapi juga telah menimbulkan 100 masalah yang tidak boleh diselesaikan.

Penutup

KONSEP fifty-fifty yang diharapkan akan memberi kebahagiaan hidup dunia Akhirat ternyata telah menjunamkan umat ke lembah kebinasaan dan kehinaan. Kerana fahaman itu telah membiakkan jangkitan penyakit cinta dunia yang amat berbahaya dan sungguh memalukan. Apalagi kalau para ulama yang dapat penyakit wahan ini. Bukan sahaja maruah ulama akan lebur sama sekali, bahkan umat seluruhnya akan punah-ranah.

Cinta dunia mesti diganti dengan **cinta Alchirat. Bila** manusia memburu Akhirat, mereka tidak lagi menjadi orang yang mementingkan diri sendiri. Kepentingan diri dikorbankan untuk masyarakat. Untuk diri serta keluarga hanya diambil 1% sahaja. Selebihnya (99%) disimpan untuk Akhirat. Yakni untuk digunakan membangunkan kehidupan masyarakat yang maju, bertamadun dan berkasih sayang.

Hal ini telah dicontohkan oleh seluruh Sahabat, khususnya Sayidina **Abu Bakar As Siddiq.** Beliau menyerahkan semua harta bendanya kepada ALLAH dan Rasul (untuk kegunaan masyarakat) sehingga tiada apa lagi yang tinggal untuk dirinya dan keluarga. Sampai Rasulullah pun bertanya, "*Apa lagi yang kau tinggalkan untuk keluargamu?*" Jawabnya, "Cukuplah ALLAH dan Rasul-Nya."

Ertinya Sayidina Abu Bakar tidak ambil apa-apa untuk

dunianya. Semua diberi kepada Akhirat. Sahabat-Sahabat yang lain turut memberi hampir semua kepunyaan mereka untuk Akhirat. Sedikit sahaja digunakan atau dihabiskan untuk dunia, peribadi dan keluarganya.

Betapa cerdik dan bijaknya mereka bertindak mengutamakan Akhirat dari dunia. Kerana memang Akhirat itu terlalu jauh besarnya dibandingkan dengan dunia. Sama ada nikmat atau azabnya sangat hebat dan dahsyat. Kalaulah hendak dinisbahkan, mungkin 0.01:99.99. Ertinya nilai dunia O.Ol%, nilai. Akhirat 99.99%.

Nikmat dunia yang kita gila-gilakan itu sebenarnya cuma 0.01% dibandingkan dengan nikmat Akhirat. Azab dunia yang kita takut-takutkan sangat itu sebenarnya cuma 0.01% dibandingkan dengan azab Akhirat.

Kalaulah dengan nikmat dunia yang terlalu kecil itu pun kita sudah terlalu gilakan dan idamkan, masakan kita tidak mabuk dengan nikmat yang maha hebat di Akhirat? Dan kalaulah dengan azab dunia yang terlalu kecil itu pun kita sudah terlalu takut dan menderita, masakan kita tidak rasa gerun yang amat sangat dengan azab api Neraka itu?

Sebab itu para cerdik pandai itu memberi 1% sahaja pengorbanan untuk dapatkan syurga dunia. Manakala 99% lagi dikorbankan untuk merebut Syurga Akhirat. Dan sebab itu jugalah para cerdik pandai mengorbankan 1% sahaja dari hidup untuk mengelak dari azab dunia. Manakala 99% lagi dikorbankan untuk menyelamatkan diri dari azab Neraka Akhirat. Mereka mendasarkan tindakan itu kepada sabda Rasulullah SAW:

أَكْيَسُ النَّاسِ أَكْثَرُهُمْ ذِكْرًا لِلْمَوْتِ وَأَشَدُّهُمْ اسْتِعْدَادًا لَهُ

Terjemahannya: Orang yang paling cerdik ifu *ialah orang yang banyuk* mengingufi *mufi dun serius membuuf persediaan* unfuknyu *(mati).*

Dengan mengutamakan Akhirat, ada beberapa keuntungan besar yang diperolehi:

1. Selamat dari penyakit gila dunia, sombong, bakhil, riyak, ujub, mementingkan diri, pembaziran dan lain-lam penyakit mazmumah.
2. Kekayaan duniawi akan menjadi kepunyaan masyarakat sehingga setiap keperluan dan masalah orang miskin dan rakyat bawahan terbela, di samping terbangunnya tamadun Islam dengan pesat dan menyeluruh di dalam negara.
3. Di Akhirat akan dipermudahkan atau diringankan hisabnya.
4. Masuk Syurga 500 tahun lebih dahulu dari orang-orang kaya.

Sebab itulah ALLAH SWT dan Rasul-Nya SAW yang bijaksana itu telah memerintahkan kita agar mengutamakan Akhirat dari dunia. Itulah caranya yang tepat untuk menyelamatkan hidup kita dunia dan Akhirat.

Konsep *fiffy-fifty* itu sebenarnya, kalau benar-benar dilaksanakan mengikut pengertian yang sebenar, itupun masih cukup baik. Yakni dengan mengorbankan 50% milik kita untuk dunia dan 50% lagi untuk Akhirat. Masa kita 50% untuk dunia, 50% lagi untuk Akhirat. Tenaga kita 50% untuk dunia, 50% lagi untuk Akhirat. Fikiran kita 50% untuk dunia, 50% untuk Akhirat. Harta benda kita 50% untuk dunia, 50% untuk Akhirat. Demikianlah seterusnya.

Dari sana tentulah akan lahir suasana hidup Islam yang syumul dan indah itu. Di mana umat Islam semuanya kembali menyembah ALLAH. Semuanya sembahyang sekurang-kurangnya lima kali sehari. Tidak adalah rasuah. Riba terhapus dengan sendiri. Harta zakat bertimbun-timbun di Baitul Mal. Wanita-wanita semuanya menutup aurat dan menjaga maruah diri. Anak-anak taat dan ber-

bakti. Suami-suami semuanya bertanggungjawab dan isteri-isterinya pula patuh dan setia. Masyarakat umat Islam jadi kaya-raya dengan berbagai-bagai harta kepunyaan mereka sendiri seperti kenderaan, rumah-rumah tumpangan, jalan-jalan raya, hospital, sekolah-sekolah, kedai-kedai, kilang-kilang, perusahaan-perusahaan, ladang-ladang tanaman, binatang-binatang ternak dan lain-lain lagi.

Tetapi wujudkah sudah hal yang demikian itu? Sudahkah semua umat Islam di Malaysia sembahyang sehari semalam lima waktu? Sudahkah mereka keluarkan zakat, puasa, menutup aurat dan membangunkan masyarakat dengan segala projek fardhu kifayah itu? Hingga tidak, bersandar nasib lagi dengan orang asing? Jawabnya belum ada. Wujudnya suasana Islam di Malaysia sebagaimana yang kita lihat kini, bukan hasil perjuangan konsep 50%-50%. Tetapi ianya adalah hasil perjuangan orang-orang dakwah yang dikatakan tinggal dunia itu. Akibat mereka 'tinggal dunia'lah, maka segelintir umat ini sudah pandai berdikari dan membangun. Tanpa golongan yang dikatakan tinggal dunia ini, semua pembangunan umat Islam dibebankan di bahu kerajaan semata-mata.

Kerajaan bukan sahaja disuruh membangunkan masjid, bahkan nak beli sebuah Al Quran untuk kegunaan dalam masjid, itupun minta dari kerajaan. Tidak ada individu yang mahu berkorban. Kalau kerajaan tidak gajikan seseorang untuk jaga masjid, memang akan terbiarlah masjid itu. Namun hendak berkorban, secara sukarela memberi tenaga dan masa percuma untuk menjaga rumah ALLAH itu, tidak sekali-kali. Imam pun tidak mahu jadi imam kalau tidak digajikan. Inilah akibat cinta dunia!

Tetapi golongan pemerintah pun hampir-hampir sama juga dengan masyarakat umum. Sebab penyakit cinta dunia turut menyerang mereka. Sebahagian besar wang negara dan rakyat, pakat dikaut untuk kepentingan diri,

keluarga dan puak-puak mereka, hingga yang tinggal untuk pembangunan masyarakat tidak sebanyak mana. Maka akibatnya ekonomi negara berada dalam tangan bangsa asing. Rakyat pun tidak mahu kerjasama dengan kerajaan, bahkan ditipunya kerajaan. Kilang-kilang perusahaan dan lain-lain pemiagaan serta perkhidmatan pun kepunyaan orang asing. Maka, mana tamadun umat Islam?

Itulah akibat melaksanakan konsep hidup fifty-fifty yang salah itu. Kemudian tidak pula betul-betul diberi tumpuan 50-50 antara dunia dan Akhirat. Hal-ha1 Akhirat disuruh berlebih kurang sahaja. "Fifty-fiflylah," katanya. Tetapi hal-ha1 duniawi, untuk kepentingan peribadi, dikerjakan dengan serius 100% tanpa kira halal haram. Akhirnya dunia tidak dapat, Akhirat juga melepas. Yang dikendong berciciran, yang dikejar tak dapat. Rugi dunia dan Akhirat.

Sebenarnya maksud Rasulullah SAW dalam ha1 kesederhanaan atau keseimbangan itu telah disalahertikan. Para ulama patut dipertanggungjawab kerana membenarkan atau membiarkan salahtafsiran ini berleluasa dan berlarutan. Lebih salah lagi kerana ulama-ulama itu pun ikut melaksanakan cara hidup yang tersasul dan keterlaluan itu. Ulama-ulama pun kena penyakit cinta dunia. Mereka ikut sama-sama memburu dunia, hingga Akhirat diketepikan sama sekali.

Sepatutnya kita mesti jujur dalam memahami sabda Rasulullah i tu.

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: *Sebaik-baik pekerjaan itu ialah sederhana.*

Masakan Rasulullah bermaksud hendak suruh kita buat kerja sikit-sikit saja; jangan serius. Mustahil Rasulullah

suruh berbuat begitu. Apa yang dimaksudkan ialah imbangkan sesuatu kerja itu sesuai dengan nilai hasilnya. Dengan kata lain, tenaga yang hendak diberi untuk mendapatkan sesuatu nikmat atau untuk menolak sesuatu mudarat, hendaklah seimbang dengan besar kecilnya nikmat atau azab itu.

Tegasnya, Rasulullah SAW meminta kita bekerja untuk dunia sesuai dengan kecilnya dunia. Dan bekerja untuk Akhirat sesuai dengan besarnya Akhirat.

Kita tidak boleh samakan usaha-usaha untuk dunia dan untuk Akhirat. Lagilah tidak boleh kita hendak campuradukkan amal soleh dengan maksiat "Sembahyang, sembahyang juga, panggung **wayang** pergi juga! Apa salahnya?", "Kelas agama pergi, parti-parti sosial lucah atau pergaulan bebas ikut juga".

Kata-kata seumpama itu adalah kata-kata **yang** biadab dan lahir dari kejahilan. Sepertilah kita kata, "Saya kahwin, tapi saya juga berzina", "Saya makan daging lembu, daging babi makan juga", "Saya makan ayam, tahi ayam saya makan juga", "Saya membangun, tapi saya juga yang meruntuhkannya". Bolehkah kita kata begitu?

Kita mesti serius dalam hidup. Hanya bangsa yang serius sahaja **yang** akan berjaya dalam matlamat perjuangan mereka. Serius dalam soal-soal duniawi dan juga serius dalam soal Akhirat. Serius dengan dunia, biar sesuai dengan kecilnya dunia. Dan serius dengan Akhirat biar sesuai dengan besarnya Akhirat. Contoh serius dengan dunia saya kira kita semua sudah maklum. Sebab itu saya cuma mahu membuat beberapa contoh bagaimana patutnya kita berserius dengan Akhirat.

1. Ibadah

Kalau boleh dalam sehari semalam kita sembahyang

fardhu dan sunat berpuluh-puluh rakaat atau beratus-ratus rakaat. ALLAH perintahkan untuk kita macam-macam jenis sembahyang sunat. Pilihlah mana saja. Lebih elok dibuat semua. Tetapi kalau tidak dapat kerana tidak mampu melawan nafsu, jangan pula dengki dengan orang yang dapat melakukannya. Jangan dianggap ekstrim dan di'fiffy-fiffy'kan.

2. Akhlak

Kita mesti mempunyai sebaik-baik akhlak sama ada dengan ALLAH atau dengan sesama manusia. Antaranya sangat cinta dan kasih dengan ALLAH, terlalu sabar dan redha dengan ALLAH. Manakala dengan manusia, sangat berkasih sayang, sangat pemurah, sangat tawadhuk dan lain-lain sifat mahmudah lagi. Kita tidak boleh kata, "Susahlah dia tu, warak sangat." Padahal sangat warak itu teramat elok bagi mereka yang dapat melakukannya. Dan jangan pula di'fifty-fifty'kan.

3. Bejuang dan Berkorban Pada Jalan ALLAH

Ini mesti dibuat sebagai cita-cita hidup mati kita, untuk sepanjang umur. Berjuang bersungguh-sungguh dan berkorban habis-habisan. Mana boleh secara part-time. Bukankah kita berjanji bahawa hidup mati kita untuk ALLAH?

4. Pakaian

Gunakan pakaian yang sebaik-baiknya dan sesempurna-sempurnanya untuk menutup aurat, **menjaga** maruah dan menegakkan syariat. Cukup kemas dan cantik. Sebab itu pakaian jubah hitam dan tudung purdah hitam adalah

sebaik-baik fesyen untuk wanita Dan serban serta jubah adalah pakaian yang paling tepat untuk lelaki. Itulah fesyen yang sederhana atau seimbang untuk selamat dunia Akhirat.

5. Lain-lain Keperluan

Ambil ala kadar sahaja untuk dunia. Lihat rumah Rasulullah, makanan dan peralatan hidupnya sebagai contoh. Selebihnya serahkan untuk Akhirat. Dalam rumah kecil pun kita boleh bahagia di dunia, kerana bahagia dunia bukan terletak pada besamya rumah. Berapa ramai orang yang berumah besar menderita hidupnya.

Bila dikatakan untuk dunia kita ambil sedikit sahaja, saya tidak bermaksud supaya kita tidak bekerja keras untuk dunia. Dunia mesti ditawan kembali dari tangan orang-orang kafir. Supaya kita dapat tegakkan kembali hukum-hakam ALLAH di dalamnya. Tetapi ingat, untungnya bukan untuk peribadi, sebaliknya untuk masyarakat Kita mesti kaya, tetapi kekayaan itu bukan untuk diri, tetapi untuk dikorbankan pada masyarakat, negara dan agama. Sehingga kekayaan itu menjadi milik bersama. Bukan milik peribadi. Kita mesti pandai. Tetapi kepandaian itu bukan untuk diri, sebaliknya adalah untuk ummah. Demikianlah seterusnya.

Ingatlah maksud doa kita dan mari kita berdoa:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً

وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Terjemahannya: *Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami keselamafan di dunia dan keselamatan di Akhirat serta selamatkan kami dari azab api Neraka.*

(Al Baqarah: 201)

Sebagai penutup buku ini, biarlah disenaraikan secara ringkas pengajaran yang boleh diambil darinya:

1. Kesederhanaan atau keseimbangan dalam sesuatu pekerjaan menurut Islam bukan bermaksud pertengahan atau fifty-fifty atau separuh-separuh. Dengan kata lain, kesederhanaan itu bukannya dalam ertikata sesuatu kerja itu dibuat sedilcit-sedikit sahaja, tidak serius dan tidak lOO%, supaya dicampuradukkan dengan hal-ha1 lain yang boleh membuatkan kita tidak dikatakan melampau atau ekstrim dalam kerja tersebut.

2. Maksud sederhana atau seimbang dalam kerja itu ialah bekerja agar sesuai dengan hasil yang diingini. Sebesar mana nikmat yang diinginkan, maka bekerjalah supaya sepadan dengan nikmat itu. Atau sebesar mana mudarat yang mahu dielakkan, maka berusahalah supaya sepadan dengannya. Dengan kata lain, berusahalah supaya tepat dengan sasarannya. Tegasnya, bekerjalah untuk dunia sesuai dengan **kecilnya** nikmat dan **azabnya. Dan bekerjalah untuk Akhirat sesuai dengan besarnya nikmat dan azabnya.**

3. **Dunia dan Akhirat tidak boleh disamakan dengan** konsep *fifty-fiffy*. Yakni dicampuradukkan amal soleh dengan maksiat. Atau disamakan pengorbanan tenaga kerja untuk dunia dan untuk Akhirat. Sebab dunia terlalu kecil dibandingkan dengan Akhirat. Katakan dunia itu basikal dan Akhirat itu kereta Mercedes. Samakah peruntukan yang kita beri untuk sebuah . basikal dengan sebuah kereta *Mercedes?*

4. Dengan berkata, “Hidup mesti sederhana, fifty-fiftylah”, kita bukan sahaja menafikan realiti kehidupan harian kita, bahkan telah menjerumuskan dir-i **kita ke lembah penyakit cinta dunia dan takut mati yang amat merugikan dan merbahaya pada nasib umat dan**

tamadun ummah. Kemunduran dan kelemahan yang ada kini adalah antara akibatnya.

5. Cinta Akhirat adalah rahsia kejayaan umat Islam lebih 1400 tahun lalu. Mereka dapat menawan 3/4 dunia hingga Islam berada di kemuncak kecemerlang-annya, dalam keadaan mereka kaya tetapi hidup seperti orang miskin. Ini kerana kekayaan mereka itu digunakan untuk pembangunan masyarakat dan negara.

6. Punca terjadinya hidup yang mengutamakan dunia dari Akhirat ialah kerana penyakit cinta dunia dan takut mati. Ia dikatakan penyakit, kerana akibat darinya telah merosakkan ummah. Kerosakan yang dimaksudkan:

a. Terlalu lemahnya kita dalam hal moral atau akhlak, perpaduan, ekonomi, pembangunan dan lain-lain lagi. Ramai orang berpendapat bahawa pembangunan di Malaysia kini cukup menggalakkan. Tetapi mengapa saya pula mengatakan masih lemah? Sebab bangsa kita masih jauh ketinggalan dibandingkan dengan lain-lain bangsa yang maju. Sedangkan perjuangan kita tentunya dengan cita-cita untuk menyaingi pencapaian bangsa-bangsa yang gagah di dunia ini. Nak menyaingi bangsa Cina di Malaysia pun tak dapat.

b. Terlalu lemah dalam usaha-usaha menyelamatkan diri dari kesusahan hidup di Akhirat. Hingga saya berani mengatakan kiranya umat Islam terus dibiarkan berada di tahap sekarang, terlalu sukar untuk kita selamat dari api Neraka.

Sekian.

Wassalam.

12hb Sept. 1991

SENARAI BUKU-BUKU YANG DITERBITKAN

SIRI CERAMAH UMUM

Pembahagian Manusia Di Akhirat
Keindahan Islam
Hidup Menurut Pandangan Islam
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat

SIRI NOVEL

Selamat Tinggal Duniaku	1985

SIRI ANTOLOGI SAJAK/MADAH

Di Ambang Pintu Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1383
Kesedaran	1985
Madah Hatiku	1986
Hatiku Rermadah Lagi	1988
Yang Dirindu	1990

SIRI KOLEKSI KHUTBAH/DIALOG/KULIAH

Pembangun Jiwa Dan Fikiran Ummah	1990
Inilah Sikap Kita (Siri 1)	1990

SIRI FALSAFAH DAN TABBIAH

Ibadah Menurut Islam	1980
Apa Itu Masyarakat Is!am	1981
Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam	1981
Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat Dan Negara Islam	1981
Huraian Apa Ilu Masyarakat Islam	1981
Bergembiralah Dengan Al Quran Dan Sunnah	1981
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam	1981
Iman Dan Persoalannya	1983
Yang Tersirat Disurat .	1983
Bersatu Menurut Islam	1984
Inilah Jalan Kita (1)	1984
Matlamat Perjuangan Menurut Islam	1984
Kemerdekaan Menurut Islam	1984
Mengenal Dtri Melalui Rasa Hati	1985
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam	1986
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
Bahaya Syiah	1987
Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
Inilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1988
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah Sikap	1990
Perancangan dan Perkhidmatan	1990
Pendidikan Rasulullah	1990
Manisnya Madu	1990
Perang Teluk : Islam Akan Kembali Gemilang	1991
Langkah-Langkah Perjuangan	1991
Aqidah Mukmin (I)	1991
Aqidah Mukmin (II)	1991
Manusia Tidak Memiliki dan Tidak Dimiliki	1991

SIRI TERJEMAHAN B. INGCERIS

Worship in Islam	1989
The Scription of The Hidden **Knowledge**	1990
Life According To Islam	1990
This Is Our Way	1990



Dunia mahu, Akhirat mahu juga. Fifty-fiftylah. Dengan satu sindiran dan salah faham ini, maka terjerumuslah umat Islam ke dalam perangkap nafsu dan syaitan. Jadilah mereka orang-orang yang mencampurkan air dan minyak dalam satu bekas, mengharapkan terjadinya satu adunan yang bermanfaat. Namun kerana campuran itu tidak munasabah, maka akhirnya ia jadi tidak berguna.

Mengapa umat Islam terbuang dan terbiar di dunia ini? Mengapa perlu bersandar nasib dengan negara-negara kafir yang maju , gagah dan jahat? Dan mengapakah masyarakat umat Islam ini tidak aman, tidak makmur, tidak mendapat kebahagiaan yang ALLAH janjikan?

Hari ini orang-orang kristian dan Yahudi mendabik dada, "Agama kamilah yang benar, sebab itu ALLAH serahkan dunia ini pada kami." Mereka terus menghina Islam, "Kalaulah Islam itu benar, mengapa ALLAH biarkan mereka." Katanya lagi: "Tidak ada seorang kristian pun yang menjadi amah di rumah orang Islam. Tapi terlalu ramai orang Islam menjadi amah di rumah-rumah orang kristian. Hina sekali umat Islam ini."

Mengapa terjadi begitu? Sedangkan kita ada ALLAH, ada Rasul, ada Quran dan Hadis? Mengapa ALLAH tidak tolong kita? Di mana silap kita?

Jawabnya, kerana kita tidak ikut kata ALLAH dan Rasul. ALLAH berkata, Akhirat lebih besar dari dunia. Kita kata jangan fikir Akhirat saja! ALLAH kata dunia itu menipu. Kita kata dunia itu indah juga. ALLAH kata sebaik-baik pekerjaan itu sederhana. Kita kata fifty-fiftylah. Kita buat ajaran baru sebenarnya. Tetapi namanya kita samakan dengan agama ALLAH itu iaitu Islam. Kita buat Islam baru. Mencampurkan minyak dan air dengan harapan hasilnya cukup baik. Walhasil kita jadi bangsa yang terhoyong-hayang. Terbuang! Sebagaimana kita buang campuran yang tidak munasabah itu. Sia-sia.

Buku ini ingin menunjukkan anda Islam lama. Islam asal. Untuk kita hidupkan kembali sejarah gemilangnya dalam kehidupan kita ini. Insya-ALLAH. Untuk itu anda perlu tahu:

KONSEP KESEDERHANAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

(Sekaligus Menjawab Masalah Konsep Fifty-Fifty)